



# LAPORAN TAHUNAN 2022

مَحْلِيٌّ بَنْدَارِيٌّ فَاسِيرِيٌّ كُوَّتِيٌّ

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan

Laman Rekreasi  
*Sungai Buloh*





# LAPORAN TAHUNAN 2022

محلیسین اندھاری فاسیرکوچ

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan





# ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2022 | MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



## 01 PENGENALAN

5

Perutusan Datuk Bandar	6
Visi, Misi dan Objektif	8
Piagam Pelanggan	9
Kawasan Pentadbiran	10
Bendera Rasmi	11
Logo Rasmi	12
Logo Dynamic	13
Lagu Rasmi	14
Carta Organisasi	15
Barisan Kepimpinan MBPG	16
Ahli-Ahli Majlis MBPG	18

## 02 LAPORAN JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT

21

Jabatan Khidmat Pengurusan	22
• Bahagian Sumber Manusia	22
• Bahagian Pentadbiran Am	27
• Bahagian Teknologi Maklumat	29
• Bahagian Kemasyarakatan	33
Jabatan Kewangan	51
Jabatan Penilaian Harta Dan Pesuruhjaya Bangunan	52
• Bahagian Penilaian	52
• Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	56
Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap	64
• Bahagian Kejuruteraan	64
• Bahagian Landskap	73
Jabatan Kesihatan Awam Dan Persekitaran	88
• Bahagian Alam Sekitar Dan Keselamatan Industri	90
• Unit Kesihatan Am, Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Perbandaran	92
• Unit Kebersihan, Bahagian Kesihatan Dan Perkhidmatan Perbandaran	101
• Unit Klinik Bandaraya Pasir Gudang	106



Jabatan Kawalan Bangunan	111
• Bahagian Kelulusan Bangunan	111
• Bahagian Kawalan Bangunan	113
• Bahagian Pembangunan Projek	113
Jabatan Perancang Bandar & Pusat Sehenti	114
• Unit Pusat Sehenti	114
• Bahagian Kawalan Perancangan	114
• Bahagian Rancangan Pemajuan	116
• Bahagian GIS	117
Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan	122
• Bahagian Penguatkuasaan	122
• Bahagian Penguatkuasaan	123
Jabatan Pelesenan	127
Bahagian Pengurusan Harta dan Komersial	130
• Bahagian Penyelenggaraan Aset	134
Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	137
Unit Pengurusan Kontrak	146
Bahagian Audit Dalam Dan Integriti	149
• Unit Audit Dalam	149
• Unit Integriti	150
Bahagian Pelancongan	153
• Unit Perpustakaan Awam Pasir Gudang	158
• Unit Sarang Buaya Pasir Gudang	160
• Unit Seramik Pasir Gudang Kraf	160
• Unit Muzium Layang-Layang Pasir Gudang	162

## 03 PENYATA KEWANGAN 163

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022	164
--------------------------------------	-----

## 04 MANIFESTO 2022 215

## 05 ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN 219

Anugerah & Pengiktirafan	220
--------------------------	-----



Taman Bandar Pasir Gudang





# 01

## PENGENALAN





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

& Salam Dinamik Pasir Gudang

**ALHAMDULILLAH**, "Maha suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan upaya melainkan Allah". Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarganya, sahabat-sahabat baginda, para tabi'in dan seterusnya pewaris-pewaris perjuangannya.

6

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan segala puji dan syukur kehadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia-Nya yang telah menganugerahkan kita dengan pelbagai nikmat yang tidak ternilai sehingga berjaya melaksanakan fungsi dan tugas Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sepanjang tahun 2022 dengan penuh kecemerlangan. Lebih melegakan selepas negara melepassi fasa Pandemik COVID-19 ke fasa peralihan endemik mulai 1 April 2022 yang sewajarnya memberi banyak pengajaran kepada semua pihak berkaitan dan begitu juga rakyat.

Tiada siapa pernah menyangka COVID-19 telah berjaya mengubah hampir keseluruhan cara kita berfikir, bekerja dan menguruskan negara. Tiada siapa pun di antara kita yang berpengalaman berdepan dengan situasi ekonomi, sosial dan politik yang begitu dinamik seperti hari ini. Sebenarnya, ada banyak hikmah di sebalik musibah yang melanda ini dalam kita mempraktikkan norma baharu seperti kemahiran penggunaan teknologi yang dapat meneruskan kerja harian walaupun di mana jua kita berada.

Di kesempatan ini saya ingin mengambil peluang bagi merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat sehingga penerbitan Laporan Tahunan MBPG 2022 dapat juga diterjemah dan dizahirkan pada kali ini.

Antara peristiwa penting dan pencapaian MBPG sepanjang tahun 2022 adalah :

- i) Pelancaran Dokumen Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030 (RTPG2030) pada 9 Jun 2022 oleh YAB. Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor.
- ii) Majlis Pelancaran "Johor Bersih" Peringkat Pasir Gudang dan penubuhan "Squad Dynamic" pada 2 Julai 2022 oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman Bin Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru.
- iii) Penyempurnaan "Hari Dynamic Pasir Gudang" oleh YB. Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor mencakupi pelancaran Buku Pelan Strategik MBPG 2021-2025 serta pelancaran Bendera dan Lagu Rasmi MBPG dan Pelancaran Jawatankuasa Kelestarian Sungai Kim-Kim dilakukan pada tarikh yang sama, 17 Julai 2022.
- iv) Majlis Angkat Sumpah Ahli-Ahli Majlis MBPG penggal baru pada 10 Ogos 2022 berkuatkuasa 1 Ogos 2022 hingga 31 Disember 2023.
- v) Majlis Pelancaran Sektor Perancangan Keselamatan Peringkat PBT Negeri Johor pada 13 Ogos 2022 dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor. MBPG dilantik sebagai urusetia mengetuai pengaturan dan pelaksanaan gerak kerja bagi sektor perancangan dan keselamatan bagi menjayakan majlis pelancaran ini.
- vi) Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2022 Peringkat Daerah Johor Bahru Pada 9 Oktober 2022 bersamaan 12 Rabiulawal 1444H bertempat di perkarangan Masjid An-Nur, Bandar Pasir Gudang.
- vii) Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) antara Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Johor Toyibban Laboratories Sdn Bhd (JTLAB) serta Majlis Menandatangani Comprehensive Development Agreement Antara Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) Dan Keck Seng (M) Bhd pada 20 Oktober 2022.
- viii) Pengurusan PRU Ke-15 bagi Parlimen 159 Pasir Gudang pada 19 November 2022.
- ix) Majlis Perasmian Pecah Tanah Kompleks Bangunan baharu MBPG pada 22 November 2022.

Manakala prestasi kewangan sehingga 31 Disember 2022, MBPG telah mengutip cukai taksiran semasa 2022 sebanyak RM117.3 juta (90.0%) daripada RM130.3 juta yang dituntut. Manakala bagi kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM11.5 juta (33.0%) dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM34.7 juta. Kutipan hasil bukan cukai bagi tahun 2022 meningkat sebanyak RM6.8 juta berbanding tahun sebelumnya.

Saya ingin menyeru kepada seluruh warga kerja MBPG bahawa di dalam kita melangkah ke masa hadapan selaku penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Nilai perkhidmatan awam berprestasi tinggi hanya akan dapat dicapai dengan adanya warga Jabatan yang berkemahiran memimpin, berdaya fikir inovatif dan bermandiri menghadapi cabaran. Nilai-nilai kompeten inilah yang mampu meningkatkan pencapaian warga MBPG, sekali gus menyakinkan pemegang taruh dan rakyat terhadap perkhidmatan berkualiti, seperti yang dijanjikan.

Semoga semua warga MBPG yang diberi taufik beristiqamah dan berlitzam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang dan berintegriti. Semoga segala usaha dan kerjasama yang diberikan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah S.W.T

Sekian, Wa billahi taufik wal hidayah Wassalamu 'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Terima kasih.

**YANG BERHORMAT  
DATO' ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN**

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang



# VISI, MISI DAN OBJEKTIF

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

VISI

Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera,  
Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025

MISI

Memastikan segala perancangan, pengurusan dan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah cekap, berkesan dan berkualiti menerusi :

- >> Memperkasa tadbir urus yang cekap
- >> Pemerkasaan libat urus masyarakat
- >> Penyediaan kemudahan kesejahteraan awam
- >> Perancangan dan pembangunan yang mampan
- >> Pengukuhan kedudukan kewangan

OBJEKTIF

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan beriltizam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan profesional serta melaksanakan penambahbaikan berterusan dan memastikan keberkesanannya sistem pengurusan bagi mencapai objektif kualiti berdasarkan perkara-perkara berikut :

- >> Menguruskan alam sekitar dengan berkesan dan dinamik.
- >> Memastikan masyarakat mendapat manfaat melalui aktiviti dan projek pembangunan yang dijalankan.
- >> Menekankan pembangunan yang holistik berdasarkan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan dan selaras dengan Dasar-Dasar Kerajaan.
- >> Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan anggota pekerja melalui latihan yang berterusan.
- >> Mempertingkatkan kerjasama dengan masyarakat bagi memperkasa komuniti.



# PIAGAM PELANGGAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

**Komitmen kami sebagai Pihak Berkuasa Tempatan memberi perkhidmatan melalui pengurusan cemerlang perkhidmatan gemilang**


1. Memantau kerja-kerja pembersihan, memotong rumput, membersihkan parit, mengutip dan mengangkat sampah yang diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di semua kawasan perumahan, perindustrian dan premis.
2. Permohonan lesen dengan dokumen yang lengkap diluluskan dalam tempoh minimum 1 jam hingga 14 hari waktu bekerja.
3. Semua aduan kerosakan kritikal premis-premis sewaan diselesaikan dalam tempoh 48 jam dan 7 hari bekerja bagi kerosakan biasa.
4. Memberi kelulusan permohonan yang dikemukakan kepada Unit Pusat Setempat dalam tempoh yang berikut :
 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebenaran merancang susun atur/mendirikan bangunan</li> <li>• Pelan bangunan</li> <li>• Permohonan serentak (kebenaran merancang + pelan bangunan)</li> <li>• Pelan jalan dan parit</li> <li>• Pelan kerja tanah</li> <li>• Permohonan serentak (pelan kerja + kerja tanah)</li> <li>• Pelan lampu jalan</li> <li>• Pelan nama jalan, taman dan nombor bangunan</li> <li>• Pelan landskap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- 57 hari</li> <li>- 50 hari</li> <li>- 57 hari</li> <li>- 50 hari</li> <li>- 57 hari</li> </ul>
---	---
5. Akuan penerimaan aduan awam dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja dan maklum balas status tindakan aduan dalam tempoh 14 hari waktu bekerja.
6. Bil tuntutan cukai harta dihantar kepada pemegang harta sebelum 1 Januari dan sebelum 1 Julai pada setiap tahun.



# KAWASAN PENTADBIRAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



# BENDERA RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



## MAKSUD WARNA JALUR



- >> Keberanian dan ketabahan hulubalang dan pengikut Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar yang bersama-sama menerokai dan memajukan Johor.



- >> Melambangkan budaya kerja bersih, suci dan budaya pekerti dalam Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



- >> Melambangkan penerangan kerajaan dan rakyat.



# LOGO RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



## 01 - MAHKOTA

- >> Melambangkan kedaulatan pemerintahan Sistem Diraja yang merujuk kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Sultan Johor.

## 02 - DUA EKOR HARIMAU MEMEGANG PERISAI

- >> Melambangkan ketegasan MBPG dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan penguatkuasaan undang-undang.

## 03 - BULAN DAN BINTANG

- >> Melambangkan segala aktiviti yang dijalankan adalah berlandaskan kepada nilai-nilai murni Islam yang dijunjung sebagai agama rasmi.

## 04 - PERISAI

- >> Melambangkan kredibiliti MBPG sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan.

## 05 - POKOK DAN KAWASAN HIJAU

- >> Melambangkan kehijauan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar dalam taman dengan keindahan landskapnya.

## 06 - SIMBOL BANGUNAN DALAM BULATAN

- >> Melambangkan pembangunan Pasir Gudang yang terancang, bersepada, dan menyeluruh seiring dengan pembangunan holistik yang disarankan oleh kerajaan.

## 07 - SIMBOL IT DAN BULATAN KUNING BERGERIGI

- >> Melambangkan terdapat pelbagai aktiviti dalam sektor perindustrian di Pasir Gudang yang meliputi industri berat, sederhana, dan kecil serta berteknologi tinggi yang begitu pesat membangun dan menyumbang kepada pendapatan utama MBPG.

## 08 - KAWASAN PERAIRAN DAN KAPAL

- >> Melambangkan kedudukan Pasir Gudang yang strategik sebagai pusat perdagangan antarabangsa di selatan Semenanjung yang dilengkapi dua buah pelabuhan utama.

## 09 - BUNGA

- >> Melambangkan bunga rasmi Pasir Gudang iaitu Cempaka Jingga.

## 10 - PANGSA

- >> Pangsa yang berada di bawah perisai berwarna kuning adalah melambangkan tanaman lada hitam dan gambir iaitu hasil tanaman utama bagi kawasan Pasir Gudang suatu ketika dahulu.



# LOGO DYNAMIC

PASIR GUDANG



## **DYNAMIC**

- >> Membawa maksud energetik dan berdaya membawa pembaharuan dan kemajuan.

## **BENTUK KARGO**

- >> Melambangkan Pasir Gudang "Bandar Raya Industri dan Pelabuhan" iaitu sebagai pusat dagangan entreport yang terletak di Selatan Semenanjung Malaysia.

## **D DAN Y (imej Digital Kren)**

- >> Kepelbagai teknologi pintar dalam operasi menghasilkan produk yang pelbagai dan berkualiti.

## **N DAN C (imej Batu dan Paip)**

- >> Bandar Raya yang mempunyai infrastruktur serta kemudahan fasiliti yang efisien serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti dan pemegang taruh.

## **LAMBANG "A"**

- >> Bandar Raya berpelabuhan sebagai tonggak jaringan penjanaan ekonomi antarabangsa.

## **LAMBANG "M" DAN "I"**

- >> Kepesatan pembangunan Pasir Gudang sebagai kawasan industri yang tidak meninggalkan elemen penjagaan alam sekitar.





## LAGU RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

### MBPG DYNAMIC GEMILANG

Demi Masa Depan Pasir Gudang  
Kita Bersama Membangunkannya  
Kita Memperkasa Komuniti  
Beridentiti Budaya Teras Malaysia

 Pengurusan Cemerlang Perkhidmatan Gemilang  
Dinamik Dan Berdaya Maju  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang  
Khidmat Dan Bakti Untuk Masyarakat

14

LAPORAN TAHUNAN 2022

Pasir Gudang Terus Maju  
Masyarakat Hidup Aman Sentosa  
Penuh Semangat Serta Jati Diri  
Teguh Menjulang Kecemerlangan

Kualiti Menjadi Teras Budaya Kerja  
Bersatu Menuju Arah Kejayaan  
Pembangunan Holistik Jadi Cabaran  
Di Bandar Raya Pintar Sejahtera

Pasir Gudang Indah Dan Menghijau


Aman Dan Makmur Megah Tersohor  
Tumpuan Industri Dan Pelabuhan  
Jadi Sebutan Serata Dunia

Pasir Gudang Terus Maju  
Masyarakat Hidup Aman Sentosa  
Penuh Semangat Serta Jati Diri  
Teguh Menjulang Kecemerlangan  
Teguh Menjulang Kecemerlangan

Lirik : YB. Dato' Asman Shah bin Abd Rahman  
Lagu : L.Y

# CARTA ORGANISASI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



# BARISAN KEPIMPINAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



**Datuk Bandar Pasir Gudang**  
YB Dato' Asman Shah  
bin Abd. Rahman



**Setiausaha**  
En. Mohd Hafiz bin Aliman



**Timbalan Setiausaha**  
Tn. Hj. Mohd Yusof  
bin Abdul Wahab



**Ketua Bahagian**  
**Pengurusan Harta & Komersial**  
Pn. Sr. Zuraine binti Mahmood



**Ketua Bahagian**  
**Korporat & Perhubungan Awam**  
Pn. LAr. Zanariah binti Kadir



**Ketua Bahagian**  
**Audit Dalam & Integriti**  
Pn. Farah Wahidah binti Nasruddin



**Ketua Jabatan Kewangan**  
Pn. Mariaton binti Ibrahim



**Ketua Jabatan**  
**Khidmat Pengurusan**  
En. Abdul Malek bin Mohamed



**Ketua Jabatan Penilaian Harta**  
**& Pesuruhjaya Bangunan**  
Tn. Hj. Sr. Dr. Mohamed Ali  
bin Mohamed Abu Backer





# AHLI-AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG







Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang



# 02

## LAPORAN JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT



# JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

## BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

### FUNGSI BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

#### 1. Seksyen Pembangunan Organisasi

- i. Pengurusan pewujudan skim perkhidmatan dan jawatan baharu sejajar dengan penarafan Majlis bagi pengukuhan organisasi.
- ii. Penyusunan semula dan pengukuhan struktur organisasi yang berlaku kerana perubahan hala tuju, objektif, peranan, visi, misi atau tanggungjawab selepas MBPG dinaik taraf.
- iii. Penyediaan kertas kerja bagi pewujudan/pemansuhan/penggredan/pengagihan jawatan di Unit/Bahagian sedia ada yang tidak melibatkan perubahan besar kepada MBPG bagi tujuan pengukuhan fungsi organisasi dijalankan mengikut landasan yang ditetapkan sejajar dengan keperluan semasa bagi menghasilkan mutu perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- iv. Penyediaan, penyelaras dan semakan Carta Fungsi Organisasi, Jabatan, Bahagian dan Unit.
- v. Penyediaan, penyelaras dan semakan Job Description dan senarai tugas setiap warga kerja MBPG.

#### 2. Seksyen Pembangunan Dan Pengurusan Maklumat Strategik

- i. Pengurusan pelantikan, kenaikan pangkat, penamatan pekerja, tanggungan dan pemangkuan kerja serta tapisan keselamatan.
- ii. Pengurusan dan penyelaras penempatan dan pertukaran pegawai.
- iii. Pengurusan perkhidmatan dan kaunseling pegawai.
- iv. Pengurusan dan penyelaras semua urusan pembangunan dan kemas kini maklumat HRMIS dan buku rekod perkhidmatan warga kerja.
- v. Pengurusan dan penyelaras berkaitan dengan penilaian prestasi dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) setiap warga kerja.
- vi. Pengurusan dan pentadbiran pekerja kontrak, MySTEP dan PSH.
- vii. Bertanggungjawab membantu dalam mengurussetiakan Panel Pembangunan Sumber Manusia dan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

#### 3. Seksyen Pengurusan Gaji, Cuti Dan Kemudahan Perkhidmatan

- i. Pengurusan dan penyelaras semua yang berkaitan dengan cuti.
- ii. Pengurusan dan penyelaras semua yang berkaitan dengan gaji.
- iii. Pengurusan dan penyelaras semua yang berkaitan dengan elauan.
- iv. Pengurusan dan penyelaras semua yang berkaitan dengan kurniaaan.
- v. Pengurusan dan penyelaras semua yang berkaitan dengan urusan khairat kematian.



#### **4. Seksyen Pengurusan Pasca Perkhidmatan**

- i. Pengurusan semua yang berkaitan dengan persaraan.
- ii. Memproses dan menyemak dokumen-dokumen yang berkaitan dengan persaraan warga kerja.
- iii. Menyediakan dan memastikan dokumen yang dikemukakan kepada JPA adalah dokumen yang betul dan teratur.
- iv. Menyediakan senarai dan memastikan setiap warga kerja mendapat info dan kursus pra-persaraan sekali dalam perkhidmatan.
- v. Mengadakan sesi penerangan mengenai pra-persaraan kepada warga kerja.

#### **5. Pembangunan Modal Insan**

- i. Merancang modul latihan warga kerja.
- ii. Menyediakan kertas kerja dan mengadakan latihan warga kerja berdasarkan jawatan yang disandang.
- iii. Menyediakan kertas kerja dan mengadakan kursus peningkatan kerjaya warga kerja berdasarkan jawatan yang disandang.
- iv. Memastikan semua warga kerja mendapat latihan dalam bidang tugas masing masing.
- v. Memastikan kursus-kursus adalah berkaitan dengan bidang tugas warga kerja.

### **LAPORAN PENGURUSAN LATIHAN**

Pada tahun 2022, sebanyak RM1,000,000.00 telah diperuntukkan bagi tujuan program latihan untuk warga kerja MBPG. Tambahan peruntukan sebanyak RM445,000.00 telah dilaksanakan untuk menampung perbelanjaan bagi program latihan bagi tahun 2022.

Sebanyak RM1,245,071.00 telah dibelanjakan bagi melaksanakan program latihan dalaman dan latihan luaran sepanjang tahun 2022 seperti mana berikut :

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PINDAHAN MASUK (RM)	PERBELANJAAN SEHINGGA DISEMBESER 2022 (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kursus Dalaman (KOD 29107)	250,000.00	445,000.00	557,366.55	137,633.45
2.	Kursus Luaran (KOD 29132)	750,000.00	0.00	687,704.45	62,295.55
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,000,000.00</b>	<b>445,000.00</b>	<b>1,245,071.00</b>	<b>199,929.00</b>

#### **Ringkasan Program Unit Latihan bagi tempoh Januari-Disember 2022**

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Ringkasan Kursus Dalaman	45
2.	Ringkasan Kursus Luaran	106
3.	Ringkasan Lawatan Penanda Arasan	4
4.	Ringkasan Program Ke Luar Negara	2
<b>JUMLAH</b>		<b>157</b>



## PROGRAM PENGURUSAN LATIHAN

Perancangan latihan yang disediakan adalah berdasarkan Laporan Kajian Keperluan Latihan Dan *Training Road Map* 2021–2025, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 mengenai Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, serta mengambil kira keperluan Laporan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) kursus yang dijana daripada Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS).

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 157 latihan telah dilaksanakan kepada warga kerja MBPG. Antara latihan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Kursus Pembangunan Modal Insan ‘Team Building’ Untuk Anggota Pekerja Kumpulan Pelaksana Gred N11 Dan Gred H11.

Pada 4 hingga 6 Januari 2022, seramai 180 orang warga kerja yang terdiri daripada anggota pekerja kumpulan pelaksana Gred N11 dan Gred H11 telah menghadiri Kursus Pembangunan Modal Insan ‘Team Building’ di Lotus Desaru Beach Resort & Spa, Bandar Penawar, Kota Tinggi Johor. Kaedah pelaksanaan kursus ini adalah dengan menggabungkan teori di dalam kelas dan riadah di lapangan supaya dapat memupuk semangat berpasukan di kalangan warga kerja serta dapat mengenal pasti dan menambah baik kelemahan warga kerja dalam usaha untuk melahirkan warga kerja yang berprestasi tinggi.



## 2. Bengkel Pelaksanaan Integriti Gelombang Keempat Dan Pembangunan KPI, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Kepimpinan yang baik menyumbang kepada kecemerlangan prestasi sesebuah organisasi. Justeru, latihan yang berkesan merupakan salah satu kaedah yang dapat membantu melahirkan seorang pemimpin yang baik, dan mampu mengendalikan organisasi dengan cemerlang. Pada 13 hingga 16 Julai 2022, Bengkel Pelaksanaan Integriti Gelombang Keempat dan Pembangunan KPI telah diadakan di Pulau Tinggi, Mersing. Bengkel ini telah dihadiri oleh barisan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terdiri daripada Ketua Jabatan/Bahagian/Unit di Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Turut hadir dalam latihan ini adalah YB. Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang, En. Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG dan Tn. Hj. Mohd Yusof bin Abdul Wahad, Timbalan Setiausaha MBPG.



## 3. Program Jati Diri Dan Sedetik Bersama Datuk Bandar

Program Jati Diri dan Sedetik Bersama Datuk Bandar adalah salah satu cetusan idea pengurusan tertinggi MBPG sebagai inisiatif untuk mendampingi warga kerja supaya berlaku proses penyaluran idea, maklumat dan maklum balas dua hala secara telus sejajar dengan Manifesto Memperkasa Organisasi dan Menyantuni Warga Kerja. Seramai 89 warga kerja yang terdiri daripada warga kerja Kumpulan Pelaksana Gred 19-26 telah hadir mengikuti program ini di Taman Negara Endau-Rompin, Johor pada 27-29 September 2022.



## AKTIVITI BAHAGIAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2022

### PENGURUSAN PENILAIAN PRESTASI

Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Sijil Penghargaan ini selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada warga kerja yang menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun dinilai.

Pada tahun 2022, seramai 112 orang warga kerja telah diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Penghargaan. Majlis Apresiasi Warga Kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2022 telah diadakan pada 12 Januari 2023 di Stadium Bandaraya Pasir Gudang.



### PROGRAM TAKLIMAT ANTI DADAH & SARINGAN UJIAN AIR KENCING (URINE TEST)

Pada 18 Disember 2022 Program Taklimat Anti Dadah & Sarangan Ujian Air Kencing (*Urine Test*) telah diadakan di Dewan Mawar, Aras 20 Menara Aqabah. Program ini bertujuan untuk mendidik dan memberi pengetahuan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di tempat kerja kepada majikan dan pekerja serta memberi kemahiran dalam menguruskan pekerja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Di samping itu juga turut disediakan program pemulihan yang berkesan dan mencegah penyalahgunaan dadah di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat. Seramai 59 warga kerja telah menghadiri program tersebut.



## BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

### FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

1. Pengurusan kerja-kerja keselamatan Stor Taman Mawar, Muzium Layang-Layang dan Perpustakaan Awam Pasir Gudang.
2. Menguruskan hal ehwal Ahli Majlis merangkumi bayaran elaun/insentif/tuntutan perjalanan termasuk *ex-officio*.
3. Menyelaraskan Mesyuarat Ahli Majlis iaitu Pra Mesyuarat Jawatankuasa Tetap, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap dan Mesyuarat Penuh.
4. Pengurusan kenderaan rasmi pejabat meliputi pembelian, tempahan penggunaan kenderaan pejabat dan pelupusan kenderaan.
5. Pengurusan stor alat tulis dan pengurusan arkib.
6. Pengurusan pembekalan pakaian seragam kepada anggota pekerja yang layak.
7. Pengurusan surat/dokumen rasmi (masuk dan keluar)
8. Menguruskan tempahan penginapan dan logistik bagi urusan rasmi anggota pekerja MBPG.
9. Penyediaan dan pengendalian PA sistem untuk majlis-majlis rasmi di MBPG.
10. Pengurusan banquet untuk mesyuarat dan majlis rasmi di MBPG
11. Menyelaraskan keperluan perabot pejabat meliputi pembelian dan pelupusan.
12. Memantau rekod kehadiran anggota pekerja.
13. Menguruskan hal ehwal kebijakan anggota pekerja berkaitan pinjaman komputer dan perumahan serta urusan kemasukan ke Hospital Kerajaan.
14. Mengurus aktiviti yang berkaitan dengan kerja-kerja kebersihan pejabat (Menara Aqabah).


### LAPORAN BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

BIL.	PERKARA	JUMLAH
<b>Pengurusan Kenderaan</b>		
1.	Kenderaan	75 buah
2.	Kos Penyelenggaraan Kenderaan	RM 329,010.19



**Pengurusan Bilik dan Dewan Mesyuarat**

BULAN / PERKARA	DEWAN CEMPaka	BILIK MAWAR	ARAS 3 AUDITORIUM /BALLROOM	ARAS 4 DYNAMIC LOUNGE	LAIN-LAIN	JUMLAH PENGGUNAAN	JUMLAH TETAMU
Januari	11	15	2	12	15	55	859
Februari	10	9	3	8	11	41	713
Mac	8	13	3	7	27	58	1241
April	10	14	1	-	11	36	744
Mei	13	9	2	2	19	45	1323
Jun	15	7	6	3	21	52	1362
Julai	17	9	7/4	7	21	64	2133
Ogos	9	15	5	9	19	57	1382
September	15	12	6/4	6	14	57	2142
Oktober	19	11	7	3	11	51	1783
November	13	11	6/3	2	25	60	1581
Disember	18	15	5/1	8	21	68	1556
<b>JUMLAH</b>	<b>158</b>	<b>140</b>	<b>65</b>	<b>67</b>	<b>215</b>	<b>644</b>	<b>16,819</b>

**Jumlah Kendaraan MBPG**

Baik pulih dan pelbagai berkaitan kendaraan diselenggara oleh Unit Peyelenggaraan Aset MBPG.

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### FUNGSI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

#### UNIT PENGURUSAN APLIKASI DAN KESELAMATAN ICT

- i. Merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan projek ICT Majlis (*outsource/inhouse*).
- ii. Merangka dan menyelaras pelaksanaan pelan strategik pendigitalan MBPG yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan ICT MBPG bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan bertumpukan rakyat.
- iii. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan emel rasmi MBPG bagi memastikan sentiasa dapat dicapai.
- iv. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan keselamatan ICT bagi memastikan sistem dan kemudahan ICT tidak terganggu dan sentiasa dapat dicapai.
- v. Merancang, mengurus dan melaksana pembudayaan ICT di kalangan warga kerja MBPG dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran ICT dalam melaksanakan fungsi tugas berdasarkan keperluan teknologi.

#### UNIT PENGURUSAN PERKAKASAN DAN TEKNIKAL

- i. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan perolehan dan pelupusan aset ICT bagi memastikan ia dilaksanakan dengan teratur dan sistematik.
- ii. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan rangkaian, peralatan rangkaian dan telekomunikasi dalam keadaan selamat dan dapat dicapai bila diperlukan.
- iii. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan media komunikasi (LED skrin dan emel) bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan tepat.

#### UNIT PENGURUSAN PENYELENGGARAAN DAN PENTADBIRAN AM

- i. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan penyelenggaraan aset ICT bagi memastikan aset ICT sentiasa ditahap terbaik dan membantu melancarkan urusan dari semasa ke semasa.
- ii. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan pentadbiran am dan maklumat bahagian bagi memastikan pengurusan maklumat dan rekod yang efisien.
- iii. Merancang, mengurus dan melaksana urusan pinjaman peralatan ICT supaya dilaksanakan secara teratur.
- iv. Merancang, mengurus dan melaksana pengurusan mesyuarat melalui sidang video atas talian bagi memastikan mesyuarat dapat dilaksanakan dengan lancar.




**LAPORAN BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT****PENGURUSAN KEMUDAHAN ICT****Jumlah aset ICT**

AKTIVITI	JUMLAH
Komputer peribadi	285
Pencetak	50
Komputer Riba	40
Projector	14
Server	18

**Jumlah aset ICT(Sewa)**

AKTIVITI	JUMLAH
Komputer peribadi (High end)	8
Komputer riba (Surface)	43
Komputer riba (DELL Latitude)	111



**Aduan kerosakan****Infrastruktur ICT****Hotspot Johor Wifi**

**Latihan ICT yang dihadiri warga kerja MBPG**

BIL.	LATIHAN ICT	TARIKH
1.	Bengkel Pengenalan ePBT 3.0	24 - 26 Januari 2022
2.	Aplikasi Appsheets	9 Februari 2022
3.	Bengkel ePBT	20 - 22 Mac 2022
4.	Bengkel ePBT	27 - 28 Mac 2022
5.	Bengkel Pengenalan Sispaa 2.0	5 - 6 April 2022
6.	Bengkel UAT Johorpay	24 Ogos 2022
7.	Bengkel Johor Wifi 2.0	28 Ogos 2022
8.	Bengkel FAT Johorpay	30 Ogos 2022
9.	Bengkel eProfil KPKT	14 September 2022
10.	Bengkel 1govnet	19 - 20 September 2022
11.	Bengkel Pelan Strategik Digital SUK Johor	13 - 15 Disember 2022

**Aplikasi baharu yang dibangunkan secara outsource sepanjang tahun 2022**

BIL.	APLIKASI	MULA PENGGUNAAN/ GO LIVE	FUNGSI UTAMA	PEMILIK SISTEM
1.	iSewa	Januari 2022	Pengurusan maklumat sewaan di Kompleks Pusat Bandar.	Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial
2.	Sistem Pengurusan Gaji	Januari 2022	Sistem pengurusan maklumat berkaitan gaji yang terdiri daripada modul : 1. Pengurusan Tuntutan 2. Pengurusan Tuntutan Lebih Masa 3. Pengurusan Elaun 4. Pengurusan Kakitangan 5. Pengurusan Pinjaman 6. Pengurusan Ahli Majlis 7. Latihan	Jabatan Kewangan
3.	Mylesen	Julai 2022	Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan orang awam membuat permohonan dan pembaharuan lesen secara atas talian melalui portal dan aplikasi mudah alih. Sistem ini juga dihubungkan terus kepada petugas yang membuat pemeriksaan.	Jabatan Pelesenan
4.	eMaintenance	Oktober 2022	Memantau kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor Bahagian Landskap secara atas talian.	Bahagian Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Landskap



## BAHAGIAN KEMASYARAKATAN

### FUNGSI BAHAGIAN KEMASYARAKATAN

#### UNIT KOMUNITI

##### **1. Pengurusan JKPZ**

- i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti kemasyarakatan melalui Jawatankuasa Penduduk Zon (JKPZ) bagi 24 zon Ahli Majlis MBPG.
- ii. Memastikan pembentukan Jawatankuasa Penduduk Zon (JKPZ) Ahli Majlis selaras dengan Garis Panduan Jawatankuasa Zon.
- iii. Menyelaras peruntukan zon Ahli Majlis mengikut Garis Panduan Jawatankuasa Zon yang telah ditetapkan.

##### **2. Pengurusan Penganjuran Program Komuniti Peringkat Pasir Gudang**

- i. Menyelaras program Sesi Town Hall Datuk Bandar Bersama Komuniti dua kali setahun.
- ii. Menganjurkan program komuniti yang memberi manfaat dengan penyertaan dan penglibatan dari semua lapisan komuniti di kawasan Pasir Gudang.

##### **3. Local Agenda 21 (LA 21)**

- i. Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa kerja Local Agenda 21 bagi Jawatankuasa Kerja Pelan Tindakan Sosial Dan Ekonomi dua kali setahun.
- ii. Menyelaraskan program-program pembangunan mampan melibatkan ekonomi sosial dan alam sekitar dengan kolaborasi PBT, Sektor Swasta dan Masyarakat.
- iii. Penyelarasaran *Pasir Gudang School Band (PGSB)* dengan kolaborasi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Sekolah-sekolah di Pasir Gudang.
- iv. Bekerjasama dengan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) bagi memastikan Perkhidmatan Bas percuma dapat dimanfaatkan oleh komuniti Pasir Gudang.

##### **4. Program pembasmian Kemiskinan**

- i. Membantu menyelaras bantuan-bantuan inisiatif kepada golongan memerlukan seperti golongan miskin, miskin tegar dan fakir.
- ii. Menyelaras peruntukan dan bantuan dari agensi-agensi kepada golongan bersasar mengikut keperluan dan kelayakan.

##### **5. Pengurusan Tanah Perkuburan**

- i. Merancang, menyelaras dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan pengebumian jenazah di Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang kepada penduduk di kawasan pentadbiran.
- ii. Merancang keperluan pembangunan dan penyelenggaraan Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang.
- iii. Menguruskan dan mengemaskini data-data simati dalam Sistem e-Pusara.



## **UNIT SOSIAL**

### **1. Pengurusan Acara Sukan dan Fasiliti Sukan**

- i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan penganjuran sukan peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa.
- ii. Merancang, menyelaras dan melaksanakan penganjuran sukan dan e-sukan peringkat komuniti Pasir Gudang dengan kerjasama dari IPT/Agensi/Persatuan di Pasir Gudang.
- iii. Menyelaras, menyelenggara dan menyediakan peralatan dan fasiliti sukan untuk acara sukan di Pasir Gudang.

### **2. Program Sosial dan Kebudayaan**

- i. Menyelaras program pembangunan sosial dan kebudayaan dengan kerjasama dari sekolah/IPT/Agensi/Persatuan bagi meningkatkan kualiti hidup, kerohanian, kestabilan dan kesejahteraan komuniti dengan penglibatan pelbagai kaum.

### **3. Program Pembangunan Usahawan**

- i. Menyelaras dan menganjurkan program-program keusahawanan kepada pelbagai peringkat komuniti Pasir Gudang bagi menaik taraf ekonomi sara hidup.

### **4. Program Pembangunan Belia**

- i. Menyelaras penganjuran program untuk golongan belia dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- ii. Menyelaras penganjuran program komuniti dengan penglibatan sukarelawan dari golongan belia.

### **5. Pengurusan Persiapan**

- i. Menguruskan dan menyelaras kerja-kerja persiapan bagi majlis-majlis rasmi MBPG dan program JKPZ Ahli Majlis.
- ii. Melantik kontraktor untuk membekalkan peralatan persiapan mengikut keperluan berdasarkan peruntukan yang diluluskan.



**LAPORAN BAHAGIAN KEMASYARAKATAN****PENGURUSAN PROGRAM BERSAMA MASYARAKAT**

JUMLAH PROGRAM MESRA RAKYAT

**2**

JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN

**RM51,650.00****PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN ISLAM CAHAYA BARU**

JUMLAH KEMATIAN

**763 KEMATIAN****PENGURUSAN PEMBANGUNAN SOSIAL****i. Pengurusan program sukan**

Jumlah penganjuran sukan antara zon Pasir Gudang	4
Jumlah penganjuran sukan peringkat Pasir Gudang	3
Jumlah penganjuran sukan terbuka	3
Jumlah penganjuran sukan peringkat kebangsaan	1

**ii. Pengurusan Padang Bola Sepak**

JUMLAH PADANG

**8**

JUMLAH PENGGUNAAN

**933****BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

- Menguruskan sewaan Padang Bakti, Padang Ragbi dan Padang Dataran.



## AKTIVITI BAHAGIAN KEMASYARAKATAN

### PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN KOMUNITI PASIR GUDANG 2022

📅 23 Januari 2022

📍 Ruang Atrium Kompleks Pusat Bandar,  
Pasir Gudang



### PROGRAM SUNGAI MASAI RIVER PLOGGING

📅 20 Februari 2022

📍 Kampung Pasir Gudang Baru



**PROGRAM KURSUS PENGURUSAN JENAZAH  
(LELAKI) PERINGKAT PASIR GUDANG**

27 Februari 2022

Masjid Bandar Seri Alam, Masai, Pasir Gudang.



**LIGA BOLA SEPAK PERDANA PASIR GUDANG 2022  
PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG**

Undian Liga : 27 Februari 2022

Tempoh Pertandingan : 6 Mac - September 2022

Piala FA : 18 September 2022

Liga Piala Datuk Bandar : 25 September 2022

Undian Liga : Aras 20, Menara Aqabah, MBPG

Lokasi Pertandingan : Padang Bola Sepak MBPG

Piala FA : Padang MBPG 1, Taman Air Biru

Liga Piala Datuk Bandar : Padang MBPG 1, Taman Air Biru



**PERTANDINGAN SINARI RAMADANKU 2022**

22-26 April 2022

Kawasan Pentadbiran MBPG.

**• Kategori : Rumah Individu Paling Bersinar**

Johan : Encik Zainuddin bin Md Noh



Naib Johan : Puan Fatimah binti Abdullah



Ketiga : Encik Samsul Bahri bin Zakaria

**• Kategori : Agensi Kerajaan/Swasta dan Rumah Pangsa Paling Bersinar**Johan : Creative Design Centre,  
Politeknik Ibrahim Sultan

Naib Johan : Komuniti Flat Pelanduk



Ketiga : Happy Farm Flora Heights

**• Kategori : Zon Paling Bersinar**

Johan : Zon Mawar



Naib Johan : Zon Nusa Damai



Ketiga : Zon Seri Alam 1

**• Kategori : Kategori Khas Zon Ahli Majlis – Kad Raya Besar Gedabak**

Johan : Zon Rinting 2



Naib Johan : Zon Cahaya Masai



Ketiga : Zon Scientex 1

**• Kategori : Kategori Khas Zon Ahli Majlis – Pintu Gerbang Bersinar**

Johan : Zon Mawar



Naib Johan : Zon Scientex 1



Ketiga : Zon Nusa Damai



**BUBUR LAMBUK PERDANA 2022 SEMPENA BULAN RAMADAN 1443H**

24 April 2022

Dewan Muafakat Kampung Cahaya Baru.



**"IFTAR JAMAIE, IMARAH TARAWIH" BERSAMA DATUK BANDAR TAHUN 2022**

10 - 27 April 2022

24 Zon Masjid dan Surau Pasir Gudang.

**Jadual Lokasi Program**

BIL.	TARIKH	ZON	BERBUKA PUASA	ZON	SOLAT TARAWIH
1.	10 April (Ahad)	Seri Alam 1	Masjid Seri Alam	Seri Alam 2	Masjid Al-Falah
2.	11 April (Isnin)	Sierra Perdana	Surau Raudhatul Jannah	Masai	Masjid Muhajirin
3.	12 April (Selasa)	Rinting 1	Masjid Taman Rinting 1	Rinting 2	Masjid Kg Pasir Gudang Baru
4.	13 April (Rabu)	Kota Masai 2	Surau Ar-Rahman	Cahaya Masai	Masjid Kampung Kopok
5.	14 April (Khamis)	Mawar	Surau Al Barakah Taman Mawar	Air Biru	Masjid Al-Ittihad Pasir Gudang
6.	17 April (Ahad)	Kota Masai 3	Masjid At-Taqwa		
7.	18 April (Isnin)	Bukit Dahlia	Surau As Sobirin	Cendana	Masjid An-Nur
8.	19 April (Selasa) Nuzul Al-Quran	Flora Height	Surau Sautul Iman	Nusa Damai	Masjid Nusa Damai
9.	20 April (Rabu)	Scientex 1	Masjid Taman Scientex	Scientex 2	Surau Alpinia
10.	24 April (Ahad) Program Bubur Lambok	Cahaya Baru Tanjung Langsat	Masjid Kampung Tanjung Langsat	Tanjung Puteri	Masjid Jalil Hassan
11.	25 April (Isnin)	Sg. Tiram	Masjid Al-Muttaqin		
12.	26 April (Selasa)	Kota Bistari	Surau Bistari Perdana	Desa Rakyat Perdana	Surau Al Mustaqim
13.	27 April (Rabu)	Pasir Putih	Masjid Al-Firdaus	Kota Masai 1	Masjid Al Munawwarah





Seri Alam 1: Masjid Seri Alam



Seri Alam 2: Masjid Al-Falah



Sierra Perdana : Surau Raudhatul Jannah



Masai : Masjid Muhajirin



Rinting 1: Masjid Taman Rinting 1



Rinting 2 : Masjid Kampung Pasir Gudang Baru



Kota Masai 2 : Surau Ar-Rahman



Cahaya Masai : Masjid Kampung Kopok



Mawar : Surau Al-Barakah Taman Mawar



Air Biru : Masjid Al- Ittihad Pasir Gudang



Kota Masai 3 : Masjid At-Taqwa



Bukit Dahlia : Surau As-Sobirin



Cendana : Masjid An-Nur



Flora Height : Surau Sautul Iman





Nusa Damai : Masjid Nusa Damai



Scientex 1 : Masjid Taman Scientex



Scientex 2 : Surau Alpinia



Tanjung Puteri : Masjid Jalil Hassan



Cahaya Baru Tg. Langsat : Masjid Kampung Tg. Langsat



Sungai Tiram : Masjid Al-Muttaqin



Kota Bistari : Surau Bistari Perdana



Desa Rakyat Perdana : Surau Al-Mustaqim



Pasir Putih : Masjid Al-Firdaus



Kota Masai 1 : Masjid Al-Munawwarah



## PROGRAM "LENTERA 7 MALAM SYAWAL" DATUK BANDAR PASIR GUDANG BERSAMA KOMUNITI TAHUN 2022

18-29 Mei 2022

7 Zon Ahli Majlis

41

BIL.	SENARAI ZON	MASA/HARI
1.	Zon Mawar	18.05.2022 (Rabu)
2.	Zon Nusa Damai	22.05.2022 (Ahad)
3.	Zon Seri Alam 1	23.05.2022 (Isnin)
4.	Zon Cahaya Masai	24.05.2022 (Selasa)
5.	Zon Scientex 1	25.05.2022 (Rabu)
6.	Zon Rinting 1	26.05.2022 (Khamis)
7.	Zon Rinting 2	29.05.2022 (Ahad)

# LAPORAN JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT

## JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



Zon Mawar (18/5/2022)



Zon Nusa Damai (22/5/2022)



Zon Seri Alam (23/5/2022)



Zon Cahaya Masai (24/5/2022)



Zon Scientex (25/5/2022)



Zon Rinting (26/5/2022)



Zon Rinting 2 (29/5/2022)



## PROGRAM SESI TOWN HALL DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI BIL. 1 TAHUN 2022

23 Jun 2022

Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang.



## KEJOHANAN LIGA SEPAK TAKRAW PASIR GUDANG 2022 PIALA DATUK BANDAR MBPG

22 Julai - 27 Ogos 2022

Dewan Taman Cendana & Atrium Kompleks  
Pusat Bandar Pasir Gudang.



## PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS BANG BANG PERINGKAT PASIR GUDANG 2022

23 Julai 2022

Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.



**PROGRAM SUKANEKA SEMPENA HARI DYNAMIC  
PASIR GUDANG 2022**

📅 17 Julai 2022

📍 Astaka Kebudayaan, Bukit Layang-Layang,  
Taman Bandar, Pasir Gudang.



**PROGRAM CERAMAH ASPIRASI MURID BERKEPERLUAN  
PENDIDIKAN KHAS**

📅 28 Julai 2022

📍 Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah.



**PERTANDINGAN DOODLE ART MERDEKA 2022 PERINGKAT PASIR GUDANG**

📅 27 Ogos 2022

📍 Dataran Al-Hamra, Majlis Bandaraya  
Pasir Gudang.



**PERTANDINGAN VIDEO TIKTOK MERDEKA (PAKAIAN TRADISI) SEMPENA MENYAMPUT HARI KEBANGSAAN KALI KE-65 PERINGKAT PASIR GUDANG**

📅 9 Ogos - 1 September 2022

📍 Laman sosial Tiktok MBPG



**PROGRAM "GOTONG ROYONG TANAH PERKUBURAN ISLAM MUTMAINNAH PASIR GUDANG 2022"**

📅 21 Ogos 2022

📍 Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang.



**PERTANDINGAN HIASAN SEMARAK MERDEKA SEMPENA MENYAMPUT HARI KEBANGSAAN KALI KE-65 PERINGKAT PASIR GUDANG**

📅 9 Ogos - 1 September 2022

📍 Kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



45



Johan



Naib Johan



Ketiga

**• Kategori : Lorong/Jalan & Komuniti Rumah Pangsa**



Johan



Naib Johan



Ketiga

**• Kategori : Lorong/Jalan & Komuniti Rumah Pangsa**



Johan



Naib Johan



Ketiga

**KURSUS PENDEK KEUSAHAWANAN KOMUNITI SETEMPAT SEMPENA PROGRAM 'ARTBEAT'**

24 - 25 September 2022

Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dan Auditorium Dahlia, Aras 3, Menara Aqabah, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



Kursus Asas Sulaman Reben.



Kursus Asas Gubahan Surprise Delivery.



Kursus Asas Melukis Doodle.



Kursus Asas Mengait Macrame.



Kursus Asas Pemasaran Digital.



**PROGRAM SANTUNI GELANDANGAN : WE CARE**

6 September 2022

Sekitar Kawasan Pentadbiran MBPG.

**Liga Bola Jaring Pasir Gudang 2022**

2 Oktober 2022

Stadium Tertutup Bandaraya Pasir Gudang .

**TAYANGAN GERGASI LIGA SUPER MALAYSIA & MAJLIS SAMBUTAN KEMENANGAN DAN KEJUARAAN SUKAN TAHUN 2022**

15 Oktober 2022

Atrium Kompleks Pusat Bandar, Pasir Gudang.



**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL  
PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU**

9 Oktober 2022

Masjid An-Nur Bandar Pasir Gudang.



## KARNIVAL PENCAK SILAT BERADAT ANTARABANGSA PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2022

3 Disember 2022

Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.



## PROGRAM SESI TOWN HALL DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI BIL 2 TAHUN 2022

3 Disember 2022

Dewan Serbaguna Taman Sierra Perdana,  
Masai.



## KARNIVAL SUKAN PASIR GUDANG SEMPENA TEMASYA BANDARAYA

📅 9 - 10 Disember 2022

- 📍 i. Bowling Centre, Kompleks Pusar Bandar.  
ii. Stadium Tertutup Bandaraya Pasir Gudang .  
iii. Astaka tradisional, Taman Bandar,  
Bukit Layang-layang Pasir Gudang.



# JABATAN KEWANGAN

## FUNGSI JABATAN KEWANGAN

### BAHAGIAN AKAUN

- i. Mengurus Penyata Hasil dan Perbelanjaan bulanan.
- ii. Mengurus Penyata Kewangan Tahunan.
- iii. Menyelaras segala rekod berkaitan geran kerajaan dan pinjaman bank.
- iv. Mengurus segala urusan pembayaran dan penyelenggaraan akaun.
- v. Menyelenggara rekod pinjaman komputer.
- vi. Mengurus tuntutan pendahuluan tunai, elaun lebih masa dan elaun perjalanan.
- vii. Mengurus pembayaran emolumen dan ganjaran.

### BAHAGIAN HASIL DAN BELANJAWAN

- i. Mengurus penyediaan belanjawan tahunan.
- ii. Mengurus permohonan tambahan/pindahan peruntukan.
- iii. Mengurus tuntutan panjar wang runcit dan bil perubatan.
- iv. Mengurus pinjaman/pembiayaan, bayaran balik pinjaman/keuntungan dan lebihan tunai serta berurusan dengan pihak bank.

## LAPORAN JABATAN KEWANGAN

### PENGURUSAN PENDAPATAN

90%

**RM125,373,720.00**

JUMLAH KUTIPAN HASIL BUKAN CUKAI

94%

**RM32,320,391.00**



### PENGURUSAN PERBELANJAAN

JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS

65%

**RM96,340,311.00**

JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

29%

**RM14,213,789.00**

# JABATAN PENILAIAN HARTA & PESURUHJAYA BANGUNAN

## BAHAGIAN PENILAIAN

### FUNGSI BAHAGIAN PENILAIAN

#### UNIT TEKNIKAL DAN PENILAIAN (TEKNIKAL)

- i. Menjalankan kerja-kerja ukur periksa dan penilaian untuk tujuan cukai harta ke atas bangunan berdasarkan Akta 171 sek. 137 dan 144.
- ii. Menguruskan proses bantahan cukai harta berdasarkan Sek. 142 bagi kes-kes di bawah Sek. 141 dan 144 Akta 171.
- iii. Menguruskan proses permohonan pulangan balik remisi ke atas harta-harta yang diduduki dan disewakan.
- iv. Menjalankan penilaian untuk tujuan Caruman membantu kadar ke atas harta-harta Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun di bawah Fasal 156 Perlembangan Persekutuan.
- v. Membuat penilaian bagi pelbagai maksud untuk kepentingan majlis.

#### UNIT CAJ PEMAJUAN/SEMAKAN/SENARAI NILAIAN (TUNGGAKAN)

- i. Menyediakan senarai nilaiang bagi semua pegangan bercukai di dalam kawasan pentadbiran MBPG berdasarkan Sek. 127 Akta 171.
- ii. Menguruskan kerja-kerja Carian Maklumat Pemilik di jabatan lain di Majlis.
- iii. Menjalankan kerja-kerja penilaian bagi tujuan Caj Pemajuan.

#### UNIT SISTEM DAN MAKLUMAT

- i. Mengemaskini maklumat pegangan dalam *Geographic Information System (GIS)*.
- ii. Pengurusan sistem penilaian dan kerja-kerja pentadbiran dalam pendigitalan dokumen terdahulu dan semasa.

### LAPORAN BAHAGIAN PENILAIAN

#### PENCAPAIAN KPI YANG TELAH DILAKSANAKAN BERDASARKAN OBJEKTIF KUALITI 2022 DAN SASARAN PELAN STRATEGIK

BIL.	KPI	PENCAPAIAN
1.	Kutipan cukai harta semasa mencapai atau melebihi sekurang-kurangnya 90%.	90.05%
2.	Kenaikan tuntutan cukai harta sebanyak RM 650,000.00 setahun.	RM2,107,670.66
3.	Kutipan tunggakan cukai harta keseluruhan melebihi 35%.	33.55%

#### TUNTUTAN CUKAI HARTA SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

■ Jumlah Tuntutan Cukai Harta Perumahan .....	RM21,683,475.11
■ Jumlah Tuntutan Cukai Harta Perdagangan .....	RM14,414,186.06
■ Jumlah Tuntutan Cukai Harta Industri .....	RM92,021,822.80
■ Jumlah Tuntutan Cukai Harta Pertanian .....	RM2,114,350.25
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM130,233,834.22</b>

Kategori perindustrian dan perdagangan disenaraikan pendek bagi melihat pegangan yang mempunyai tunggakan cukai harta melebihi 2 tahun dan ke atas. Berikut adalah Pencapaian Operasi Tunggakan yang diadakan pada 23 September 2022 sehingga 31 Disember 2022.

BIL.	KATEGORI	BIL. PEGANGAN	JUM. TUNGGAKAN CUKAI SEBELUM OPERASI	JUM. KUTIPAN TUNGGAKAN SELEPAS OPERASI
1.	Perindustrian	299	RM9,491,895.46	RM6,992,810.20
2.	Perdagangan	1,237	RM2,479,302.16	RM920,860.77
<b>JUMLAH</b>			<b>RM11,971,197.62</b>	<b>RM7,843,670.97</b>

## AKTIVITI BAHAGIAN PENILAIAN

### MAJLIS PENYAMPAIAN BAUCAR CUKAI HARTA KEPADA PEMBAYAR TERAWAL PENGGAL 1/2022

Majlis Penyampaian Baucar Cukai Harta kepada Pembayar Terawal Penggal 1/2022 telah dianjurkan pada 30 Mac 2022 bertempat di Dynamic Lounge Aras 4, Menara Aqabah, MBPG. Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Penilaian Harta dan Pesuruhjaya Bangunan yang telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang.

MBPG telah menyediakan sebanyak 4,060 cenderahati kepada pembayar terawal berupa powerbank, payung dan bekas makanan jenama Tupperware. Sebagai tanda penghargaan, MBPG juga telah memberikan baucar rebat cukai harta kepada mereka yang telah menjelaskan cukai harta dan penyumbang kepada penurunan jumlah tunggakan cukai MBPG.



Cenderamata berbentuk bekas kedap udara "Chill Freez" jenama "Tupperware".



Cenderamata Payung Golf.



53



Pembayaran di Kaunter Aras 1, Menara Aqabah, MBPG.



Cenderamata "Powerbank" 10,000-MAH.



Majlis Penyerahan Insentif Baucer Cukai Harta Pembayar Terawal Bagi Penggal 1/2022.



### KEMEPEN ‘JOM LANGSAIKAN HUTANG’ SEBELUM DISITA

Kempen “Jom Langsaikan Hutang” telah berlangsung pada bulan April dan Ogos 2022 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.30 petang. Kempen tersebut dimulakan pada 10 April hingga 12 April & 17 April hingga 19 April 2022, bertempat di Tempat Letak Kereta, Lotus’s Eco Tropic Taman Kota Masai. Manakala pada 21 Ogos hingga 23 Ogos & 28 Ogos hingga 30 Ogos 2022, bertempat di Jalan Rusa, Taman Scientex, Pasir Gudang. Kempen ini adalah untuk menarik semua pembiutang untuk menjelaskan tunggakan cukai harta dengan pembukaan kaunter bergerak dan menguar-uarkan tawaran ansuran atau e-Dinar.

Pada 10 & 17 hingga 19 April 2022, jumlah hasil kutipan di tempat letak kereta, Lotus’s Eco Tropic Taman Kota Masai sebanyak RM8,923.45. Manakala pada 21 Ogos hingga 23 Ogos & 28 Ogos hingga 30 Ogos 2022, Jumlah hasil Kutipan di Jalan Rusa, Taman Scientex, Pasir Gudang sebanyak RM14,525.90.



Lokasi Van Kaunter Bergerak di Tempat Letak Kereta, Lotus’s Eco Tropic Taman Kota Masai.



Sesi Pembayaran Kaunter Perkhidmatan Van Kaunter Bergerak.



## SESI BANTAHAN KE ATAS TAKSIRAN CUKAI BIL 1/2022

Sesi bantahan ke atas taksiran cukai bil. 1/2022 telah diadakan pada 7 Jun 2022, bertempat di Bilik Mesyuarat Datuk Bandar Aras 19, Menara Aqabah, MBPG. Sesi bantahan yang dibuat telah dihadiri oleh Datuk Bandar, Setiausaha, Ahli Majlis (Jawatankuasa Sesi Bantahan Cukai Harta), Jabatan Penilaian dan COB serta Pembantah Kategori Industri.

Objektif Pelaksanaan bantahan kepada Senarai Nilaian ini adalah untuk memenuhi kehendak perundungan di bawah Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan seterusnya memberikan kepuasan hati kepada pembayar cukai dalam kawasan pentadbiran Majlis. Jumlah pemilik yang membuat bantahan Senarai Nilaian adalah 4 lot yang melibatkan 4 akaun.

Bantahan kepada Senarai Nilaian adalah sebagaimana peruntukan Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara sebab-sebab bantahan kepada Senarai Nilaian yang dinyatakan di dalam Seksyen 142(1) adalah sebagaimana berikut :

- i. Sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar.
- ii. Sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar.
- iii. Seseorang atau sesuatu pegangan yang sepautnya termasuk dalam Senarai Nilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- iv. Sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
- v. Sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersama atau berasingan sepautnya dinilai secara lain.



Sesi Bantahan Ke Atas Taksiran Cukai Bil 1/2022.



## BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

### FUNGSI BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN

Mei	11	0	0
Jun	49	0	0
Julai	43	0	0
Ogos	47	0	0
September	39	0	0
Oktober	50	0	0
November	109	0	0
Disember	104	0	0
<b>Purata</b>	<b>498</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

### AKTIVITI UNIT KESIHATAN AM, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

#### LOKASI AKTIVITI LARVA CIDING/CARI DAN MUSNAH DI KAWASAN KES DEMAM DENGGI TAHUN 2022



Bekas tong cat



Tong sampah



Bekas polisterina



Tayar



Kenderaan terbiar



Stok simpanan



Rumah pangsa



Kawasan sekitar rumah



Takungan air



Takungan air



Tayar terpakai



Kawasan kebun



**AKTIVITI SEMBURAN RACUN THERMAL (SRT) SESI PAGI PADA JAM 4.00 PAGI HINGGA 6.00 PAGI DI JENIS KAWASAN LOT PERKEDAIAN**

📅 13 Oktober 2022

📍 Jalan Masai Utama,  
Taman Kota Masai.



📅 25 November 2022

📍 Jalan Sierra Perdana 4/1,  
Taman Sierra Perdana.



📅 26 Disember 2022

📍 Jalan Serangkai 11,  
Taman Bukit Dahlia.



**AKTIVITI SRT KARPET**

📅 25 September 2022

📍 Jalan Nenas, Jalan Pulasan dan Jalan Tembikai,  
Taman Kota Masai.

*Penglibatan kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Segamat, Kluang, Muar, Pontian, Tangkak, Kota Tinggi dan Mersing.*



### PROGRAM PEMANTAUAN AUDIT TEKNIKAL (PPAT)

📅 10 Ogos 2022



### AKTIVITI KUTIPAN BARANGAN TIDAK TERPAKAI DIRUMAH/PREMIS

📅 16 September 2022

📍 Kawasan Jalan Nenas 28-29, Taman Kota Masai.



**NOTIS PEMBERITAHUAN  
KUTIPAN BARANGAN TIDAK TERPAKAI DI  
RUMAH/PREMIS**

Kepada : Penduduk Jalan Nenas 26, Jalan Nenas 27,  
Jalan Nenas 28 Dan Jalan Nenas 29,  
Taman Kota Masai

Tarikh Notis : 12 September 2022

Perhatian kepada penduduk kawasan yang terlibat untuk  
menghapuskan tempat-tempat pembiasakan jentik-jentik di dalam  
kawasan rumah dengan mengeburkan apa-apa barang, alatan  
atau perkakas yang telah tidak digunakan lagi dan kumpulkan  
di hadapan rumah anda sahaja.

Kutipan barangan tidak terpakai tersebut akan di laksanakan dari rumah  
ke rumah pada ketetapan tarikh berikut :-

Tarikh kutipan : 16 September 2022 (Jumaat)  
Lokasi kutipan : Hadapan Rumah Seluruh Kawasan  
Jalan Nenas 26 Hingga 29, Taman Kota Masai.

Sehubungan itu, mohon kerjasama semua penduduk kawasan yang  
terlibat untuk mengambil maklum dan tindakan.

Sekian, terima kasih.



### OPERASI PENGUATKUASAAN PREMIS INDIVIDU

📅 25 September 2022

📍 Lot Perkedaian, Taman Kota Masai.

Penglibatan kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah  
Johor Bahru, Batu Pahat, Segamat, Kluang, Muar, Pontian,  
Tangkak, Kota Tinggi dan Mersing.



### PROGRAM AUDIT PEMANTAUAN ISO 14001:2015

📅 18 Oktober 2022



### AKTIVITI KUTIPAN BARANGAN TIDAK TERPAKAI DIRUMAH/PREMIS

📅 20 hingga 21 Oktober 2022

📍 Jalan Masai Utama,  
Taman Kota Masai.



📍 Jalan Masai Utama,  
Taman Kota Masai.



### PROGRAM GOTONG-ROYONG MEGA 2.0 PERANGI AEDES DAN JOHOR BERSIH PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU

📅 22 Oktober 2022

📍 Kampung Pasir Putih.




### AKTIVITI KAWALAN ANAI-ANAI DI BAWAH PENTADBIRAN MBPG TAHUN 2022

BIL.	LOKASI	TARIKH RAWATAN
1.	Kebayan Taman Cendana.	Mac 2022
2.	Jalan Murai 6, Taman Scien tex.	Mei 2022
3.	Muzium Layang-Layang, Taman Bandar.	Jun 2022
4.	Dewan Serbaguna Taman Air Biru.	Ogos 2022
5.	Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih.	Ogos 2022
6.	Dewan Serbaguna Kampung Cahaya Baru.	November 2022
7.	Dewan Serbaguna Kampung Kopok Baru.	November 2022
8.	Dewan Serbaguna Jalan Balau, Taman Rinting.	November 2022
9.	Dewan Serbaguna Kampung Pasir Putih.	November 2022
10.	Dewan Serbaguna Jalan Ciku, Taman Kota Masai.	November 2022
11.	Kebayan Jalan Tasek, Bandar Seri Alam.	Disember 2022
12.	Dewan Serbaguna Jalan Nenas, Taman Kota Masai.	Disember 2022
13.	Balai Raya Jalan Mangga, Taman Kota Masai.	Disember 2022
14.	Kebayan Gerai Miel, Bandar Seri Alam.	Disember 2022



### AKTIVITI KAWALAN LIPAS LALAT TIKUS DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPG TAHUN 2022



### OPERASI MALAM DALAM KAWASAN MBPG



### OPERASI KAWALAN ANJING LIAR



### OPERASI KAWALAN MONYET DAN GAGAK



### SANITASI DAN DISINFEKSI PASAR AWAM



### KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN

BIL.	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	21 Mac 2022	19 orang
2.	31 Mac 2022	20 orang
3.	13 Jun 2022	16 orang
4.	18 Julai 2022	40 orang
5.	15 Ogos 2022	13 orang
6.	19 September 2022	26 orang
7.	17 Oktober 2022	31 orang
8.	1 Disember 2022	18 orang
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>183 orang</b>



**PENYAMPAIAN SIJIL PENGIFTIRAFAN DAN SAGUHATI KEPADA PEMILIK PREMIS MAKANAN DAN TANDAS AWAM TERBERSIH DI DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**



**OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN PREMIS MAKANAN (OBPPM) DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) BAGI TAHUN 2022**



1. Sebanyak 22 buah premis telah disenaraikan tetapi hanya 20 premis yang diperiksa, 1 premis tidak beroperasi dan 1 premis telah diperiksa awal oleh pihak PKJB pada awal bulan Disember 2022.
2. 65 Notis Kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan seperti terdapat hurungan serangga di dalam premis seperti lipas, lalat & tikus (LILATI), hurungan najis kucing, gagal mempamerkan dokumen seperti Buku Suntikan Typhoid dan Sijil Kursus Pengendalian Makanan, memakai aksesori ketika menyediakan makanan, serta tidak memakai apron, penutup kepala dan kasut ketika mengendalikan makanan.
3. Arahan Perintah Penutupan Premis telah dikeluarkan kepada 13 premis yang diarahkan tutup di bawah Seksyen 10 & 11, Akta Makanan 1983 terhadap 13 buah premis makanan kerana tahap kebersihan premis yang sangat tidak memuaskan. Operasi ini akan dijalankan dari semasa ke semasa di sekitar Pasir Gudang.




## UNIT KEBERSIHAN, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

### LAPORAN UNIT KEBERSIHAN, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

#### PENGURUSAN KUTIPAN SAMPAH



### JUMLAH PENYERTAAN PROGRAM



Program pengkomposan sisa makanan

### PROGRAM EM MUDBALL

AKTIVITI	JUMLAH		
	PROGRAM EM MUDBALL		
Program kitar semula	BULAN	MBPG (KG)	TPS (KG)
	Januari	1,138	5,694
	Februari	496	12,663
	Mac	1,876	22,594
	April	535	19,230
	Mei	704	15,562
	Jun	548	23,246
	Julai	4,754	16,633
	Ogos	557	25,600
	September	216	20,438
	Oktober	530	17,092
	November	752	21,640
	Disember	607	22,053
	Purata	<b>12,713</b>	<b>222,445</b>
PENGUNAAN EFFECTIVE MICROORGANISM (EM)			

Nota :

TPS - Tapak Pelupusan Sampah



**PENGURUSAN ADUAN SAMPAH**

ADUAN	BULAN	JUMLAH ADUAN
Jumlah aduan sampah lambat/tidak diangkat	Januari	30
	Februari	14
	Mac	19
	April	20
	Mei	38
	Jun	17
	Julai	19
	Ogos	10
	September	13
	Oktober	34
	November	20
	Disember	18
	<b>Purata</b>	<b>252</b>
Jumlah aduan longkang tersumbat	Januari	12
	Februari	17
	Mac	23
	April	14
	Mei	12
	Jun	21
	Julai	16
	Ogos	13
	September	18
	Oktober	9
	November	11
	Disember	24
	<b>Purata</b>	<b>190</b>
Jumlah aduan kotoran am	Januari	9
	Februari	2
	Mac	6
	April	10
	Mei	7
	Jun	6
	Julai	4
	Ogos	3
	September	7
	Oktober	6
	November	8
	Disember	9
	<b>Purata</b>	<b>77</b>



ADUAN	BULAN	JUMLAH ADUAN
Jumlah operasi pembersihan oleh SWM & SWCORP	Januari	-
	Februari	-
	Mac	5
	April	-
	Mei	3
	Jun	7
	Julai	5
	Ogos	5
	September	9
	Oktober	5
	November	5
	Disember	4
	<b>Purata</b>	<b>48</b>

MBPG bertanggungjawab memantau kerja-kerja kebersihan, pemotongan rumput, pembersihan parit, mengutip sampah oleh pemberong yang dilantik oleh Solid Waste Corporation (SWCorp) dan Southern Waste Management (SWM) di semua kawasan perumahan, perindustrian dan perkedaian sejak September 2011.

## AKTIVITI UNIT KEBERSIHAN, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

### KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK/INDUSTRI



### PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN



### KITAR SEMULA



### KUTIPAN SAMPAH



### PEMBERSIHAN LONGKANG



### PEMBERSIHAN AWAM



### PEMBERSIHAN AWAM



## UNIT KLINIK BANDARAYA PASIR GUDANG

Unit Klinik Bandaraya Pasir Gudang mula diwujudkan pada tahun 2022. Unit ini ditubuhkan bertujuan memberi fokus pada aktiviti kesihatan untuk warga MBPG dan juga komuniti khusus berkaitan kemudahan kesihatan. Bagi peringkat awal, klinik ini beroperasi di Aras 15, Menara Aqabah. Klinik ini menempatkan 3 pekerja yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pembantu Tadbir yang terlatih bagi mengurus hal-hal kesihatan dan klinik. Klinik ini dirancang akan beroperasi secara menyeluruh pada bulan April 2023 kelak dengan kemudahan premis yang lebih sesuai. Dalam pada itu unit ini akan lebih fokus kepada pengetahuan berkaitan kesihatan kepada warga MBPG sementara menunggu operasi secara menyeluruh seperti yang dirancang.

### AKTIVITI UNIT KLINIK BANDARAYA PASIR GUDANG

#### PROGRAM SARINGAN KESIHATAN WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

 13 & 14 September 2022

 Dewan Ballroom Jingga, Aras 3, MBPG.

Tujuan : Membantu anggota pekerja untuk lebih cakna dengan kesihatan mereka secara keseluruhan. Selain itu, tujuannya adalah untuk mengesan faktor awal bagi risiko penyakit yang disaring.

Objektif :

- Mengenal pasti status kesihatan pekerja dari peringkat awal.
- Dapat membentuk warga kerja dalam mempraktikkan gaya hidup sihat.
- Untuk meningkatkan produktiviti warga kerja dalam organisasi.
- Membolehkan rawatan yang berkesan pada peringkat awal.
- Memberi ruang dan peluang kepada pekerja MBPG untuk mendapatkan khidmat kesihatan yang percuma.
- Antara saringan yang dijalankan adalah mengukur BMI, memantau tekanan darah, gula dalam darah, kolestrol dan konsultasi bersama doktor untuk mereka yang mempunyai keputusan yang tidak normal.

Sasaran : Semua warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



**PROGRAM KESIHATAN MENTAL HEALTH MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG YANG BERTAJUK "NOT ALL WOUNDS ARE VISIBLE"**

 26 September 2022 (Isnin)

 9.30 pagi – 12.30 tengah hari

 Dewan Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah

Penceramah : Dr. Noorfaizah binti Ibrahim, Pakar Psikiatri UD54, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru.

Tujuan : • Seiring dengan hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia yang mendapati sebanyak 10.47% pekerja mengalami masalah emosi atau tekanan perasaan di tempat kerja serta kaji selidik dari Klinik Bandaraya Pasir Gudang mendapati 1.5% peratus daripada jumlah responden di *diagnose* mempunyai penyakit mental (kemurungan, kerisauan yang berlebihan).

- Memberi pencerahan kepada warga kerja mengenai penyakit-penyakit mental supaya mereka lebih cakna terhadap kesihatan diri dan membasmikan stigma tentang penyakit mental.
- Penyakit mental juga merupakan penyakit namun ia tidak terzahir dengan sebarang kecederaan fizikal menyebabkan ia selalu dilepas pandang oleh masyarakat.

Objektif : • Memberikan pendedahan mengenai penyakit-penyakit mental dan penyebabnya.  
• Berkongsi mengenai cara-cara untuk mengatasi tekanan semasa kerja dan cara untuk mendapatkan rawatan.

- Dapat membentuk warga kerja dalam mempraktikkan gaya hidup sihat.
- Untuk meningkatkan produktiviti warga kerja dalam organisasi.

• Membolehkan rawatan yang berkesan pada peringkat awal *diagnose*.

Sasaran : 200 orang peserta yang telah disenaraikan nama daripada sumber manusia dan beberapa anggota yang diambil daripada hasil soal kaji selidik melalui "Google form".



## PROGRAM PEMAKANAN DAN AMALAN GAYA HIDUP SIHAT MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

 29 November 2022

 Auditorium Dahlia, Aras 3, Menara Aqabah

PENCERAMAH : Puan Siti Munirah binti Mahmud, Pegawai Pemakanan KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital.

**TUJUAN** : Program ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada anggota pekerja MBPG berkenaan pentingnya mengamalkan pemakanan yang sihat dalam kehidupan seharian. Gaya hidup sihat adalah langkah terbaik dalam menjalani kehidupan bebas penyakit. Selain itu, pemakanan dan amalan gaya hidup sihat ini juga dapat meningkatkan produktiviti, ekonomi dan kemakmuran sesebuah organisasi.

**OBJEKTIF** :

- Memberikan pengetahuan dan informasi mengenai kesihatan dengan menerapkannya dalam amalan kehidupan seharian.
- Memberi kesedaran tentang pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat dari awal.
- Membudayakan peserta bagi mengekalkan cara kehidupan yang lebih sihat, stabil dan kekal aktif.
- Mendedahkan cara pengamalan diet yang betul serta seimbang.
- Mendidik peserta untuk mengamalkan corak pemakanan yang sihat seperti yang terdapat dalam piramid pemakanan Malaysia.



## PROGRAM HARI CAKNA SIHAT KOMUNITI PASIR GUDANG SEMPENA ULANG TAHUN KE -2 PENGISYIHKARAN MBPG

8 hingga 10 Disember 2022

Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Program telah berlangsung selama 3 hari bermula 8 Disember 2022. Program telah dirasmikan oleh Encik Abdul Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG.

Penyertaan adalah terdiri daripada kehadiran pelajar-pelajar Sekolah SMK Pasir Gudang 1, 2 dan 3 agensi-agensi Kerajaan dan swasta sekitar Pasir Gudang, komuniti 24 zon di Pasir Gudang yang melibatkan hampir keseluruhan 2,000 orang peserta yang hadir selama 3 hari ini.

Pelbagai aktiviti telah diatur sepanjang 3 hari berlangsung program ini antaranya :

a) Pameran kesihatan

- Pameran berlangsung selama 3 hari. Antara agensi Kerajaan dan swasta yang terlibat bagi pameran kesihatan adalah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), cawangan Johor Baharu, Unit Perolehan Organ Hospital, (UPOH) dari Hospitan Sultanah Aminah, Klinik Veterinar Al-Falah, Klinik Kesihatan Pasir Gudang, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPK) cawangan Johor bahru, COMBI dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan Jabatan Kesihatan Awam dan Persekitaran MBPG.

b) Taklimat kesihatan

- Sesi sembang santai oleh: Generational End Game, Impak Vape dan Rokok oleh Dr. Sti Kamariah binti Othman, Pakar Respiratori Hospital Glenegles Medini.
- Taklimat penarafan bintang tandas dan premis makanan disampaikan oleh Encik Azrin bin Saharuddin, Pegawai Kesihatan Awam MBPG. Sesi demonstrasi pembersihan tandas juga diadakan di Tingkat 1, Kompleks Pusat Bandar.
- Sesi sembang santai diteruskan pada hari ke-3 dengan perkongsian bersama Dr. Shahidi bin Jamaludin, Pakar Jantung dari KPJ Pasir Gudang dengan tajuk : Penyakit Tiga Serangkai, Pembunuh Dalam Diam.

c) Pemeriksaan kesihatan secara percuma

- Syarikat InBodyAsia menawarkan pemeriksaan kesihatan dengan mengukur komposisi badan secara terperinci.
- Syarikat Passionate Health and Wellcare turut memberikan khidmat fisioterapi pelbagai secara percuma kepada pengunjung.
- Klinik Kesihatan Masai pula menawarkan saringan kesihatan percuma kepada pengunjung dan para peserta.

d) Kempen derma darah/organ

- Kempen derma darah telah dijalankan oleh Hospital Penawar Pasir Gudang. Seramai 25 orang telah berjaya menderma darah di booth yang disediakan.
- Kempen derma organ telah dijalankan oleh Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.



e) Jualan Kitar Semula

- Jualan kitar semula telah dianjurkan oleh Puncak Infiniti
- JG Biodiesel telah berjaya menjual minyak masak terpakai sebanyak 100.3 kg.

f) Aktiviti-aktiviti lain

- Pertandingan Mewarna juga diadakan bagi kategori kanak-kanak 4 hingga 8 tahun dan 9 hingga 12 tahun.
- Acara busking oleh kumpulan BESKAL , seramai 73 orang kanak-kanak telah menyertai acara busking tersebut,
- Kuiz-kuiz kesihatan turut disediakan sepanjang program berlangsung dan hadiah turut disediakan.
- Penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada pemenang-pemenang Penarafan Bintang Tandas dan Premis Makanan juga diadakan.



# JABATAN KAWALAN BANGUNAN

## BAHAGIAN KELULUSAN BANGUNAN

### FUNGSI BAHAGIAN KELULUSAN BANGUNAN

#### 1. SEKSYEN PELAN BANGUNAN

- i. Menyediakan khidmat nasihat kepada Perunding Bertauliah (PT) untuk permohonan pelan bangunan bagi projek pembinaan di kawasan MBPG.
- ii. Mengadakan lawatan dan pemeriksaan tapak cadangan pembinaan untuk syor ulasan teknikal perakuan permohonan pelan bangunan.
- iii. Pengurusan dan penyelarasan permohonan pelan bangunan melalui sistem online (OSC 3 PLUS) dari semasa ke semasa.
- iv. Menguruskan permohonan pelan bangunan sehingga ke peringkat kelulusan penuh (*endorsement*).

#### 2. SEKSYEN PEMERIKSAAN BANGUNAN

- i. Mengadakan lawatan pemeriksaan tapak untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- ii. Memastikan pihak PSP telah mematuhi syarat pelan lulus dan syarat pemeriksaan untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- iii. Memastikan pembinaan yang telah siap di tapak mematuhi syarat-syarat sepertimana kelulusan Pelan Bangunan untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- v. Pengurusan dan penyelarasan permohonan pemulangan wang amanah pelan bangunan selepas sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di keluarkan.
- vi. Melaksanakan pemeriksaan secara berkala bagi bangunan tinggi melebihi 5 tingkat yang berusia lebih 10 tahun.



#### 3. SEKSYEN PERMIT

- i. Pengurusan dan penyelarasan permohonan baru permit sementara.
- ii. Pengurusan dan penyelarasan permohonan pembaharuan permit sementara.
- iii. Pemantauan berkala bayaran tahunan permit sementara yang telah dijelaskan.
- iv. Menyediakan kertas kerja bagi cadangan kadar caj bayaran permit.

#### 4. SEKSYEN UT & SETARA

- i. Menyediakan khidmat rundingan kepada PSP serta pemilik kediaman berkenaan garis panduan.
- ii. Pengurusan dan penyelarasan permohonan Ubah Tambahan Rumah (UT) sehingga ke peringkat kelulusan dan proses tuntutan wang amanah.
- iii. Menyediakan kertas kerja bagi cadangan reka bentuk pelan Ubah Tambahan Rumah (UT) yang diselaraskan dengan garis panduan.

## 5. SEKSYEN PENGUATKUASAAN

- i. Berkerjasama dengan Jabatan Pelesenan dalam proses pembaharuan dan permohonan lesen.
- ii. Pengurusan dan penyelarasannya urusan penguatkuasaan, pembinaan bangunan, binaan/struktur haram tanpa kelulusan sehingga ke peringkat pendakwaan di bawah Akta 133.
- iii. Bertanggungjawab mengeluarkan notis lawatan dalam penguatkuasaan pembinaan bangunan dan ubahan tambahan bangunan tanpa kelulusan.
- iv. Pengurusan aduan awam terhadap pembinaan bangunan dan binaan/struktur haram tanpa kelulusan.
- v. Mengadakan lawatan tapak untuk membantu unit proses pelan dalam memproses permohonan tuntutan wang amanah.

## 6. SEKSYEN PENDAKWAAN

- i. Menyediakan laporan kertas siasatan untuk penguatkuasaan sehingga ke peringkat pendakwaan di bawah Akta 133.
- ii. Pengurusan carian maklumat dan kerjasama dengan bahagian undang-undang untuk tindakan mahkamah bagi kes-kes pendakwaan di mahkamah.
- iii. Penyelarasannya tindakan susulan selepas tindakan mahkamah dikeluarkan.

## FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK

### 1. SEKSYEN SENIBINA

- i. Pengurusan penyediaan cadangan pelan reka bentuk arkitek dan penyelarasannya pelan bangunan bagi projek-projek khas MBPG.
- ii. Membuat semakan pelan cadangan arkitek yang disediakan oleh pihak perunding berkenaan reka bentuk bangunan yang selaras dengan pembangunan Pasir Gudang.
- iii. Pengurusan dan penyelarasannya maklumat data *attribute* bagi Portal P'GEO 3.0 (GIS).

### 2. SEKSYEN KEJURUTERAAN AWAM

- i. Menyediakan cadangan pelan struktur dan infrastruktur bagi pasca kontrak bagi projek-projek khas MBPG.
- ii. Membuat semakan pelan C&S yang disediakan oleh pihak perunding.
- iii. Pengurusan dan penyelarasannya dengan Jabatan Perancang Bandar dan Pusat Sehenti, Jabatan Kejuruteraan dan Landskap serta agensi yang terlibat bagi cadangan projek yang akan dibina selaras dengan pembangunan Pasir Gudang.

### 3. SEKSYEN PENGURUSAN PROJEK

- i. Menyediakan kertas kerja cadangan projek-projek yang dilaksanakan untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan.
- ii. Menyediakan anggaran kos projek untuk dimasukkan ke dalam permohonan bajet tahunan MBPG.
- iii. Menyelaras dalam penyediaan jadual perancangan projek-projek yang akan dilaksanakan.
- iv. Bertanggungjawab membantu dalam memberikan syor kepada pihak pengurusan bagi proses pelantikan perunding bagi perlaksanaan projek.

### 4. SEKSYEN PEMANTAUAN PROJEK

- i. Menguruskan, menyelaras dan menyelia pembangunan pasca kontrak bagi projek-projek khas MBPG.
- ii. Memastikan projek-projek MBPG dilaksanakan mengikut jadual dan kos yang telah ditetapkan.
- iii. Menyediakan laporan pelaksanaan projek-projek khas MBPG untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan.



## BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN

### SEKSYEN PELAN DAN PERMIT

BIL.	LAPORAN	TERIMA	SELESAI	TERIMAAN BAYARAN (RM)
1.	Jumlah permohonan kelulusan pelan bangunan. (baru, ubahan tambahan & pindaan pelan).	120	120	14,082,150.43
2.	Jumlah permohonan sokongan sijil perakuan siap dan pematuhan.	65	62	-
3.	Jumlah permohonan kelulusan pelan ubahan tambahan rumah kediaman, kedai pejabat dan pelan setara.	256	251	79,165.00
4.	Jumlah permohonan dan pembaharuan permit sementara bangunan.	229	229	1,221,222.48
5.	Jumlah permohonan dan pembaharuan permit sementara menara/struktur telekomunikasi.	123	123	405,120.00

### SYEKSEN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

BIL.	LAPORAN	TERIMA	SELESAI
1.	Tindakan terhadap aduan-aduan awam yang diterima melalui Sistem SISPA, Ahli Majlis dan jabatan dalam.	128	124

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK

- Pelaksanaan projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Pasir Gudang dan Dataran Mahkota Pasir Gudang berserta kemudahan yang berkaitan di atas (plot 1), Mukim Plentong, Johor Bahru, Johor.
- Pelaksanaan projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Pejabat dan beberapa kemudahan lain untuk Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- Pelaksanaan projek Cadangan Kerja-Kerja Membina Perpustakaan Desa (CB Bestari) Dua Tingkat Di Jalan Kekwa, Kampung Cahaya Baru, Mukim Plentong, Pasir Gudang, Johor.
- Pelaksanaan projek Cadangan Membina Bangunan Pusat Aktiviti Lestari Di Atas Sebahagian Plot 1, Di Stor Taman Mawar, Pasir Gudang, Johor.
- Pelaksanaan projek kerja-kerja menaik taraf CCTV di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



Cadangan Membina dan Menyiapkan  
Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC).

Cadangan Kerja-Kerja Membina  
Perpustakaan Desa (CB Bestari).

# JABATAN PERANCANG BANDAR & PUSAT SEHENTI

## UNIT PUSAT SEHENTI

### FUNGSI UNIT PUSAT SEHENTI

1. Menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan.
2. Memastikan pengurusan proses pemajuan mematuhi prosedur dan peraturan sebagaimana ketetapan undang-undang.
3. Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau syarat-syarat yang ditetapkan.
4. Membuat edaran permohonan cadangan pemajuan kepada agensi/jabatan teknikal berkenaan untuk diproses.
5. Mengumpul dan menyelaras kertas perakuan yang disediakan oleh Jabatan Memperaku untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
6. Menetapkan tarikh mesyuarat dan memastikan ianya diadakan dua (2) kali sebulan.
7. Mengedarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk dimaklumkan ke Mesyuarat Majlis Penuh PBT.
8. Mengedarkan keputusan rasmi kepada pemohon dan jabatan/agensi teknikal.
9. Menyelaras pelaksanaan IPMC (*Industrial Park Management Committee*) dan Program Mesra Industri (PMI) peringkat MBPG.
10. Menyelaras program Rejuvenasi Pasir Gudang.

## BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN

### FUNGSI KAWALAN PERANCANGAN

#### MAKLUMAT TANAH

1. Membantu dalam penyediaan Laporan Semakan Teknikal bagi Permohonan Ulasan Tanah dari Pejabat Tanah (PTDJB) dalam tempoh masa 7 hari dari tarikh permohonan.
2. Membantu menyediakan laporan dan semakan pengesahan guna tanah daripada permohonan yang diterima.
3. Membuat laporan dan semakan teknikal sokongan lesen perletakan kenderaan APAD, NGO dan lain-lain.
4. Membuat pengemukaan permohonan pewartaan rizab di bawah Seksyen 62 dan Permohonan Hak Milik di bawah Seksyen 76 Akta Kanun Tanah Negara.

### KAWALAN PERANCANGAN DAN PENGUATKUASAAN ZON UTARA & SELATAN

1. Memastikan pengurusan proses kawalan perancangan mematuhi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
2. Membantu dalam penyediaan laporan tapak, laporan pemeriksaan KM dan kertas perakuan kebenaran merancang bagi permohonan kebenaran merancang.
3. Membantu dalam pelaksanaan *low carbon statement* di dalam proses permohonan kebenaran merancang.
4. Membantu melaksanakan penguatkuasaan undang-undang perancangan bagi apa-apa pemajuan yang tiada kebenaran merancang atau bercanggah dengan kebenaran merancang.
5. Membantu bagi memastikan apa-apa pemajuan perlu terlebih dahulu memperoleh kelulusan kebenaran merancang dan mematuhi syarat yang ditetapkan.
6. Membantu dalam penyediaan dasar-dasar perancangan bersesuaian dengan trend pembangunan.
7. Membantu membekalkan data guna tanah komited dan semasa diperlukan pengkalan data i-plan oleh JPBD Semenanjung Malaysia.
8. Menyelaras pengumpulan data maklumat task force Perumahan Mampu Biaya Johor di kawasan :
  - Sungai Tiram, Taman Bestari Perdana, Taman Cahaya Masai (Keluasan Kawasan: 17,839.63 Hektar).
  - Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Taman Air Biru, Taman Cendana, Taman Mawar (Keluasan Kawasan: 3,870.37 Hektar).

### KAWALAN PERANCANGAN DAN PENGUATKUASAAN ZON UTARA & SELATAN

1. Memastikan pengurusan proses kawalan perancangan mematuhi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
2. Membantu dalam penyediaan laporan tapak, laporan pemeriksaan Kebenaran Merancang (KM) dan kertas perakuan kebenaran merancang bagi permohonan kebenaran merancang.
3. Membantu dalam pelaksanaan *low carbon statement* di dalam proses permohonan kebenaran merancang.
4. Membantu melaksanakan penguatkuasaan undang-undang perancangan bagi apa-apa pemajuan yang tiada kebenaran merancang atau bercanggah dengan kebenaran merancang.
5. Membantu bagi memastikan apa-apa pemajuan perlu terlebih dahulu memperoleh kelulusan kebenaran merancang dan mematuhi syarat yang ditetapkan.
6. Membantu dalam penyediaan dasar-dasar perancangan bersesuaian dengan trend pembangunan.
7. Membantu membekalkan data guna tanah komited dan semasa diperlukan pengkalan data i-plan oleh JPBD Semenanjung Malaysia.
8. Menyelaras pengumpulan data maklumat task force Perumahan Mampu Biaya Johor di kawasan :
  - Tanjung Langsat, Taman Pasir Putih, Tanjung Puteri Resort, Taman Kota Masai (Keluasan Kawasan : 4,741.01 Hektar).
  - Taman Bukit Dahlia, Bandar Seri Alam, Taman Flora Height, Taman Nusa Damai, Taman Scientex, Taman Sierra Perdana (Keluasan Kawasan : 4,005.35 Hektar).



## BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

### FUNGSI RANCANGAN PEMAJUAN

#### KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN/RANCANGAN KAWASAN KHAS

1. Melaksanakan penyediaan Kajian Rancangan Pemajuan seperti Rancangan Tempatan/Rancangan Kawasan Khas di bawah sebagaimana di bawah peruntukan Seksyen 12 -16A, Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172).
2. Melaksanakan proses permohonan pengubahan Rizab Pengezonan Rancangan Tempatan mengikut Seksyen 13, 14, 15, 16 Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172) bagi tujuan publisiti berkaitan pengubahan zoning serta pendengaran awam.
3. Melaksanakan penyediaan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran (JSTA) untuk dibawa ke Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC).
4. Melaksanakan penyediaan Mesyuarat Teras, Mesyuarat Pasukan Kajian dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Rancangan Pemajuan.

#### KAJIAN-KAJIAN LAIN

1. Melaksanakan penyediaan kajian dan program kementerian/Plan Malaysia/Kerajaan Negeri, DPN2, SGD, kajian yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor.
2. Kajian Semula Zon Antarabangsa Negeri Johor.
3. Kajian Semula Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor.
4. Kajian Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2 (RFZPPN2).

#### KAJIAN MURNINETS

1. Menyelaras *Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development* (MURNInets) berdasarkan Petunjuk 6 Dimensi :
  - Dimensi 1 : Ekonomi Berdaya Saing
  - Dimensi 2 : Kualiti Persekitaran Mampan
  - Dimensi 3 : Komuniti Sejahtera
  - Dimensi 4 : Gunatanah dan Sumber Asli
  - Dimensi 5 : Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien
  - Dimensi 6 : Urus Tadbir Efektif



## BAHAGIAN GIS

### FUNGSI BAHAGIAN GIS

#### MAKLUMAT PERANCANGAN DAN PEMETAAN

1. Menyemak dan mengemas kini data atribut guna tanah komited Borang C1 yang diterima daripada Bahagian Kawalan Perancangan mengikut jumlah permohonan yang diterima.
2. Menyemak dan mengemas kini nama taman dan nama jalan yang diterima daripada bahagian kawalan perancangan.
3. Mengemas kini Portal P'GEO Pasir Gudang untuk menyokong aktiviti rancangan pembangunan, kawalan perancangan dan dalam masa yang sama membolehkan perkongsian maklumat perancangan kepada semua jabatan di bawah pentadbiran MBPG.
4. Membuat penyediaan inventori kemudahan awam dan aset di kawasan pentadbiran MBPG.
5. Mengintegrasikan maklumat antara jabatan dalaman dengan maklumat gunatanah melalui sistem perisian ArcGIS.

#### BANDAR PINTAR

1. Menyelaras projek bandar pintar berdasarkan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Johor serta memantau strategi pelan tindakan yang telah ditetapkan.
2. Menyelaras program Bandar Pintar MBPG mengikut peruntukan belanjawan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan MBPG.
3. Melaksanakan projek fizikal bandar pintar yang telah dipersetujui:
  - *Smart pole*
  - *Air pollution sensors*
  - *Smart bin*
  - *Panic buttons*
  - *Flood mitigation sensors*
4. Memastikan peralatan dan sistem integrasi MBPG *Command Center* sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi.

#### BANDAR SELAMAT

1. Melaksanakan projek fizikal bandar pintar yang telah dipersetujui.
2. Memastikan peralatan CCTV sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi.
3. Mengenalkan lokasi yang sesuai (berdasarkan data jenayah) bagi pemasangan lokasi CCTV termasuk komponen CCTV yang disediakan oleh pihak pemaju melalui kebenaran merancang.
4. Pelaksanaan Program Projek Fizikal Bandar Selamat serta Program Sosial dan Keselamatan bersama pihak PDRM yang telah diluluskan dengan peruntukan di bawah Program Inisiatif Kawasan *Blackspot* melalui KPKT dan PlanMalaysia Ibu Pejabat.
5. Menyelaras dan menyemak kerja-kerja untuk menyediakan dokumen tawaran sebut harga dan tender bagi penyelenggaraan/projek bandar selamat.



#### BANDAR RENDAH KARBON

1. Menyelaras dan melaksanakan program yang berkaitan bandar rendah karbon berpandukan dasar dan pelan tindakan bandar rendah karbon Pasir Gudang.
2. Mewakili jabatan bagi pelaporan tindakan bandar rendah karbon di peringkat kerajaan negeri.
3. Mewakili MBPG dalam kajian-kajian inisiatif mengurangkan karbon dan perubahan iklim oleh agensi luar.
4. Mengumpul maklumat dan data berkaitan mengurangkan *footprint* karbon :
  - Tenaga
  - Air
  - Udara

## PENCAPAIAN JABATAN PERANCANG BANDAR & PUSAT SEHENTI TAHUN 2022

**13 Disember 2022**

Penyampaian Anugerah Bandar Mampan 2022 oleh Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Negeri Johor dalam Mesyuarat JPN Bil 3/2022.



**Penyampaian Anugerah Silver Award Strategic Planning, Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030 (RTPG 2030), MIP Planning Excellence Awards 2022 oleh Malaysia Institute of Planners (MIP)**



## AKTIVITI JABATAN PERANCANG BANDAR & PUSAT SEHENTI TAHUN 2022

### UNIT PUSAT SEHENTI (OSC)

#### Program Mesra Industri (PMI) Bil. 1/2022 dan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) BIL. 36 (1/2022)



16 Mei 2022



D'Elegance Grand Hotel, Bandar Seri Alam, Masai, Pasir Gudang

Ringkasan : 50 orang peserta terdiri daripada kalangan Ahli Jawatankuasa IPMC (Pihak MBPG, Ahli-Ahi Majlis MBPG, Pihak Agensi-Agenzi Kerajaan) dan pengilang-pengilang di kawasan Pasir Gudang.

#### Program Mesra Industri (PMI) Bil. 2/2022 dan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) BIL. 37 (2/2022)



18 Disember 2022



Amari Hotel Johor Bahru, Johor

Ringkasan : 50 orang peserta terdiri daripada kalangan Ahli Jawatankuasa IPMC (Pihak MBPG, Ahli-Ahi Majlis MBPG, Pihak Agensi-Agenzi Kerajaan) dan pengilang-pengilang di kawasan Pasir Gudang.

Sekitar majlis Program Mesra Industri (PMI)  
Bil. 2/2022 dan Mesyuarat INDUSTRIAL  
PARK MANAGEMENT COMMITTEE  
(IPMC).



## AKTIVITI JABATAN PERANCANG BANDAR & PUSAT SEHENTI TAHUN 2022

### BAHAGIAN RANCANGAN KEMAJUAN

**Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030 (RTPG 2030)**



### Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030 (RTPG 2030)

120

Dokumen RTPG 2030 dikemukakan kepada Plan Malaysia untuk dihantar kepada Pejabat Jurutulis selewat lewatnya 22/12/2022.

### Rancangan Kawasan Khas Industri & Pelabuhan Bandar Raya Pasir Gudang 2030

Publisiti Awal bermula 18 Disember 2022 hingga 31 Disember 2022 melalui Taklimat dan Pameran semasa Program IPMC, Pameran di ruang lobi MBPG, hebahan di laman web dan Facebook MBPG.

### Rancangan Kawasan Khas Kampung Pinggiran Bandar Raya Pasir Gudang 2030

Publisiti Awal bermula 18 Disember 2022 hingga 31 Disember 2022 melalui Taklimat dan Pameran semasa Program IPMC, Pameran di ruang lobi MBPG, hebahan di laman web dan Facebook MBPG.



## BAHAGIAN GIS

### Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Pintar & Rendah Karbon

Penubuhan Jawatankuasa Induk Bandar Selamat, Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon pada 18 Disember 2022 di peringkat Majlis Bandaraya Pasir Gudang merupakan salah satu inisiatif Jabatan Perancang Bandar dan OSC untuk menyelaraskan dan membincangkan perancangan dan halatuju pembangunan bandar selamat, bandar pintar dan bandar rendah karbon bagi mencapai visi Majlis Bandaraya Pasir Gudang Bandaraya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon Menjelang 2025.

### Program Johor Selamat

Majlis Pelancaran Program Johor Selamat telah dilancarkan pada 13 Ogos 2022 oleh YAB Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz bin Ghazi bagi merealisasikan aspirasi kerajaan negeri Johor ke arah The Greater Johor Bahru yang menjadi tunggak kepada pembangunan negeri Johor. Landasan yang kukuh dan iltizam yang tinggi perlu diasaskan secara permuafakatan yang kukuh dan konsisten. Justeru, 4 Pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan MJB, MBIP, MBPG dan MPKU bersetuju untuk menjalankan kerjasama erat dalam menjayakan The Greater Johor Bahru.

*Majlis Pelancaran Program Johor Selamat oleh Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor.*



# JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

## BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

### FUNGSI BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

#### PENASIHAT

- Memberi khidmat nasihat perundangan dalam melaksanakan operasi harian MBPG.
- Merancang strategi perundangan dengan pengurusan atasan dan Ahli Majlis.
- Mengadakan/memberikan latihan perundangan kepada pegawai-pegawai MBPG.

#### SEMAKAN PERJANJIAN

- Memberikan khidmat menyediakan dan menyemak draf perjanjian atau suratcara.
- Mengurus lain-lain berkaitan penyediaan/semakan perjanjian atau suratcara yang diarahkan dari semasa ke semasa.

#### PENGGUBALAN WARTA

Menggubal dan mewartakan undang-undang kecil/kaedah/peraturan/ lain-lain sumber perundangan untuk diguna pakai di MBPG.

#### LITIGASI

- Mengendalikan tuntutan sivil yang dikemukakan oleh pihak ketiga terhadap MBPG/oleh MBPG terhadap pihak ketiga.
- Memantau pelaksanaan kerja peguambela/peguamcara yang mewakili MBPG dalam mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- Mengkaji kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan.
- Menjadi pakar rujuk kepada Pegawai Penyiasat Jabatan/Bahagian/unit di MBPG dalam mengukuhkan kemahiran menyediakan kertas siasatan.

### LAPORAN BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	<b>Pendakwaan bagi pihak Majlis</b> Jumlah kes difaiklan di Mahkamah Majistret (Majlis Bandaraya) Johor Bahru.	61
2.	<b>Penyemakan dokumen perjanjian</b> Jumlah kerja semakan dan penyediaan perjanjian serta draf notis.	57
3.	<b>Nasihat perundungan</b> Jumlah nasihat perundungan (bertulis).	10
4.	<b>Tuntutan liabiliti pihak ketiga</b> Jumlah tuntutan diterima dan diproses.	31

## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

### FUNGSI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

1. Tindakan penguatkuasaan secara berkala.
2. Memastikan aduan di Bahagian Penguatkuasaan diambil tindakan 3 hari dan notis susulan 14 hari.
3. Mengadakan Operasi Penguatkuasaan atau Operasi Bersepadu bersama agensi kerajaan.
4. Memastikan penguatkuasaan kompaun am dan kompaun kenderaan dilaksanakan sekiranya ingkar arahan notis.
5. Memastikan iklan tanpa lesen diambil tindakan sitaan dengan kadar segera.

### KAWALAN ZON DAN OPERASI

1. Menguatkuasakan Akta Dan Undang-Undang Kecil yang telah diperuntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan Undang-Undang Kecil yang telah diwartakan.
2. Tindakan kompaun keatas pihak individu, syarikat atau premis yang melanggar mana-mana peruntukan Akta dan Undang-Undang Kecil MPPG.
3. Memastikan pihak individu, syarikat, premis, penjaja atau yang menjalankan perniagaan di dalam kawasan pentadbiran MBPG mempunyai lesen perniagaan.
4. Menyita, merampas dan meroboh apa jua halangan yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Peruntukan Akta dan Undang-Undang Kecil
5. Membentras pertumbuhan warong tolak dan penjaja tanpa lesen.
6. Siasatan dan tindakan aduan awam.
7. Membuat tugas kawalan sempena keramaian, keselamatan, bantuan bencana alam.
8. Membantu jabatan-jabatan lain di dalam MBPG.
9. Operasi bersepadu bersama agensi-agensi atau jabatan kerajaan yang lain.
10. Menguatkuasakan Undang-undang Kecil Iklan (MPPG) 2011.
11. Menurunkan papantanda tanpa permit.
12. Menurunkan iklan kain rentang tanpa permit.
13. Menurunkan iklan poster pinjaman wang haram.
14. Tindakan segera aduan awam.
15. Membuat siasatan aduan awam.
16. Membuat tindakan susulan aduan.
17. Menguruskan data aduan dan jawapan aduan awam sehingga selesai.



### TRAFIK DAN TUNDA

1. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas menunda kenderaan yang terbiar atau buruk.
2. Bertanggungjawab dalam mengambil tindakan terhadap halangan kenderaan di tempat awam.
3. Bertanggungjawab menguruskan kenderaan yang ditunda sehingga dituntut.
4. Memastikan pergerakan lalulintas berjalan lancar.
5. Memastikan tiada kenderaan berat diletakkan di kawasan taman perumahan yang menyebabkan halangan dan merosakkan harta majlis.

## LAPORAN PENGUATKUASAAN

### OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU KE ATAS MAJIKAN DI SEKTOR PERLADANGAN BAGI TAHUN 2022

📅 20 Julai 2022

📍 Sekitar kawasan Bandar Masai

Agensi terlibat : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor, KKM, Jabatan Imigresen, JKPP & MBOP Wilayah Selatan.



### OPERASI BERSEPADU MEMBANTERAS KEGIATAN MAKSIAT BAGI PASANGAN BERAGAMA ISLAM DI HOTEL DAN PUSAT URUT

📅 22-23 Oktober 2022

📍 Sekitar kawasan Masai dan Bandar Seri Alam

Agensi terlibat : Jabatan Agama Islam Negeri Johor



### OPERASI BERSEPADU PELAKSANAAN TASKFORCE PERJANJIAN RUMAH PANGSA BAGI TAHUN 2023-2024 DAN KUNCI RUMAH PANGSA TAMAN AIR BIRU

📅 7 Disember 2022

📍 Sekitar kawasan pentadbiran MBPG

Agensi terlibat : Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial MBPG




## PENCAPAIAN-PENCAPAIAN JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

Naib Johan

- Audit Dalaman EKSA Sesi 1/2022

Tempat Ketiga

- Audit Dalaman EKSA Sesi 2/2022



## AKTIVITI JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

### KEMPEN PENGURANGAN 60% BAYARAN KOMPAUN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA PASIR GUDANG



### PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK ANTARA PENGUATKUASA MBPG DAN PBT/JABATAN/AGENSI LUAR



### LAWATAN PENANDA ARASAN BAHAGIAN PENGUATKUASA KE DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK)



**LATIHAN KAWAD KAKI BULANAN**



**PENYERTAAN PERBARISAN DAN  
PERARAKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN KE-65 PERINGKAT NEGERI  
JOHOR TAHUN 2022**



**KURSUS/ LATIHAN/ TAKLIMAT BAGI PEMANTAPAN TUGAS HAKIKI DAN  
KERJAYA SEBAGAI ANGGOTA PENGUAT KUASA ANJURAN JABATAN  
UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN SEPANJANG TAHUN 2022**

1. Program Minggu Pengenalan Tugas Bagi Anggota Penguatuksa Lantikan Baharu Gred KPI9.
2. Taklimat Berkaitan Gaya Pemakanan Sihat Bagi Mencapai *Body Mass Index (BMI)* Yang Ideal Untuk Anggota Penguatuksa.
3. Taklimat Berkaitan Seksyen 17B Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009).
4. Perkongsian Ilmu Berkaitan Kuasa dan Skop Tugas Sebagai Warden Lalu Lintas Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 133).
5. Taklimat Berkaitan Persatuan Penguatuksa Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (PERSAJ).
6. Sesi Pengenalan dan Latihan Tempur Tanpa Senjata (TTS) Kepada Anggota Penguatuksa.



# JABATAN PELESENAN

## FUNGSI JABATAN PELESENAN

### PENTADBIRAN PELESENAN

- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan kepada Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan.
- Pengurusan maklumbalas kepada agensi kerajaan/swasta seperti Polis, Bomba, KPKT, SUK, SSM dan lain-lain.
- Pengurusan maklumbalas maklumat dan data antara jabatan dalaman.
- Menyelaras permohonan sokongan dari Pejabat Daerah.
- Menyediakan kertas kerja dasar-dasar pelesenan dan segala pelaporan untuk dibentangkan dan kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Pelesenan.
- Pengurusan maklumat dan data untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Lesen Sementara.
- Melaksanakan khidmat bimbingan/pendidikan/kesedaran tentang cara permohonan lesen perniagaan/permit dengan orang awam/pemohon.
- Pengurusan pertanyaan berhubung dengan pelesenan.
- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan dan menjalankan pemeriksaan bersepadu bersama jabatan/agensi seperti Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan, Jabatan Kawalan Bangunan dan lain-lain.
- Pengurusan dan penyediaan dokumentasi ISO 9001 dan ISO 14001.
- Penyediaan laporan bulanan peniaga yang aktif dan tidak aktif.
- Pelaksanaan promosi pelesenan bagi info-info terbaru dan terkini bagi pemakluman kepada orang awam.

### INDUSTRI & TRED PERNIAGAAN/PERMIT/IKLAN/PENJAJA

- Mengurus, memproses, dan menilai bagi menyokong kelulusan setiap permohonan lesen (industri/tred perniagaan).
- Memproses dan menilai bagi menyokong kelulusan setiap permohonan permit (iklan, parkir khas, kerusi/meja, khemah promosi).
- Memproses permohonan pertukaran nama syarikat dan penama lesen perniagaan.
- Memproses pembatalan atau penggantungan lesen industri/tred perniagaan/permit/penjaja.
- Mengurus dan memproses permohonan penambahan aktiviti perniagaan
- Mengeluarkan notis peringatan bagi pembaharuan lesen.
- Memproses permohonan sokongan dari agensi luar.
- Memproses pemulangan bon jaminan dan tuntutan wang amanah.
- Membuat pemeriksaan di lapangan bagi memastikan kesesuaian lokasi dan aktiviti (permit/iklan)
- Mengeluarkan notis peringatan bagi pembaharuan permit.
- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan kepada Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan.
- Pengurusan maklumbalas kepada agensi kerajaan/swasta seperti polis, bomba, KPKT, SUK, SSM dan lain-lain.



- Menyelaras permohonan sokongan dari Pejabat Daerah.
- Menyediakan kertas kerja dasar-dasar pelesenan dan segala pelaporan untuk dibentangkan dan kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Pelesenan.
- Melaksanakan khidmat bimbingan/pendidikan/kesedaran tentang cara permohonan lesen perniagaan/permit dengan orang awam/pemohon.
- Pengurusan pertanyaan berhubung dengan pelesenan.
- Menerima dan menyemak borang permohonan lesen industri/tred perniagaan/permit/iklan.
- Mengeluarkan pelekat permit.
- Pemeriksaan dan pemantauan perniagaan dilapangan untuk kemaskini data/keperluan aktiviti dari semasa ke semasa.
- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan dan menjalankan pemeriksaan bersepada bersama jabatan/agensi seperti Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan, Jabatan Kawalan Bangunan dan lain-lain.
- Penyediaan laporan bulanan peniaga yang aktif dan tidak aktif.
- Pelaksanaan promosi pelesenan bagi info-info terbaru dan terkini bagi pemakluman kepada orang awam.

## LAPORAN JABATAN PELESENAN

### AKTIVITI PENGURUSAN PEMPROSESAN LESEN

Aktiviti	JUMLAH
Jumlah Lesen Baru	1,219
Jumlah Pembaharuan Lesen	5,496
Jumlah Tapak Bazar Ramadan	26 kawasan (1,532 petak)
Jumlah Tapak Pasar Malam	12 kawasan (1,285 petak)
Jumlah Tapak Penjaja Sementara	26 kawasan (718 petak)
Jumlah Tapak di Pasar Minggu Pasir Gudang	-
Jumlah Lesen Baru Papan Iklan Luar	-

### AKTIVITI JABATAN PELESENAN

#### PENDEKATAN MBPG BERSAMA PENIAGA TAHUN 2022

- Memberikan taklimat dan kesedaran kepada para peniaga berkenaan kewajipan mematuhi syarat-syarat pelesenan dan Undang-undang Kecil Penjaja (MPPG) 2010 dan menerangkan berkenaan keperluan untuk penempatan berpusat diwujudkan.
- Seminar ini adalah khusus mengenai teori dan praktikal strategi dalam mengintegrasikan semua saluran pemasaran agar dapat mendominasi segmen pasaran pelanggan dengan lebih pantas bagi memperkasa penjaja di kawasan pentadbiran MBPG.

**TAKLIMAT BERSAMA PENJAJA**

20 Jun 2022

8.30 malam

- Tapak Penjaja Jalan Persiaran Scientex, Taman Scientex.



- Tapak Penjaja Jalan Serangkai 1, Taman Bukit Dahlia.



- Tapak Penjaja Jalan Belatuk 6, Taman Scientex.

**SEMINAR LEDAKAN DIGITAL MARKETING MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**

26 Julai 2022

7.30 Pagi - 2.00 Petang

- Dewan Serbaguna Taman Mawar.



# JABATAN PENGURUSAN HARTA DAN KOMERSIAL

## FUNGSI BAHAGIAN KOMERSIAL & PRASARANA

### Unit Komersial

1. Menguruskan penyewaan aset-aset majlis bagi harta tak alih seperti premis perniagaan, stadium dan tanah kosong yang disewakan dari proses permohonan, perjanjian, bil tuntutan, tunggakan sehingga penamatan.
2. Menguruskan pengambilan polisi insurans ke atas semua harta milik Majlis.
3. Menyediakan dan menyelaras perkhidmatan keselamatan bagi memastikan harta tak alih dalam keadaan selamat.
4. Menerima aduan yang dibuat oleh penyewa untuk diambil tindakan seterusnya.
5. Merancang, menyelaras dan mengurus dari segi operasi dan logistik Kompleks Pusat Bandar dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang.
6. Menjalankan fungsi perkhidmatan helpdesk kepada pelanggan yang berurusan.
7. Menyediakan perkhidmatan agensi yang diperlukan orang awam.
8. Menyediakan perkhidmatan pembayaran bil-bil di kaunter Muafakat Johor.
9. Pengurusan penganjuran bazar Ramadan, bazar raya dan jualan lemang.

### Unit Prasarana

1. Menguruskan penyewaan aset-aset majlis bagi harta tak alih seperti rumah pangsa dan dewan yang disewakan dari proses permohonan, perjanjian, bil tuntutan, tunggakan sehingga penamatan.
2. Menguruskan penyelenggaraan aset-aset majlis bagi harta tak alih seperti stor MBPG.
3. Menguruskan pengambilan polisi insurans ke atas semua harta milik Majlis.
4. Menyediakan dan menyelaras perkhidmatan keselamatan bagi memastikan harta tak alih dalam keadaan selamat.
5. Menerima aduan yang dibuat oleh penyewa untuk diambil tindakan seterusnya.

### Unit Tindakan Khas

1. Menguruskan kerja-kerja penyelenggaraan rumah pangsa MBPG.
2. Merangka pelan penyelenggaraan secara kumulatif untuk merancang dan menaik taraf rumah pangsa MBPG.
3. Memantau kerja-kerja pembersihan di rumah pangsa yang disewakan.
4. Bertanggungjawab membantu menguruskan hal-hal berkaitan rumah pangsa meliputi urusan serahan aset, perjanjian dan garis panduan pentadbiran.

### Unit Teknikal

1. Menguruskan kerja-kerja pembaikan fasiliti bangunan milik MBPG yang berkaitan dengan kerja-kerja mekanikal, elektrikal, struktur dan awam.
2. Melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan yang melibatkan peralatan penyelenggaraan pencegahan, peralatan kerja menyelenggara dan pembaikan sistem mekanikal dan elektrikal bangunan pembaikan dan pelbagai bangunan.

3. Merangka pelan penyelenggaraan aset secara kumulatif untuk merancang dan menaik taraf bangunan aset MBPG.
4. Memantau kerja-kerja pembersihan di bangunan yang disewakan.
5. Menguruskan kerja-kerja pembaikan fasiliti bangunan milik MBPG yang berkaitan dengan kerja-kerja mekanikal, elektrikal, struktur dan awam.
6. Melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan yang melibatkan peralatan penyelenggaraan pencegahan, peralatan kerja menyelenggara dan pembaikan sistem mekanikal dan elektrikal bangunan pembaikan dan pelbagai bangunan.
7. Merangka pelan penyelenggaraan aset secara kumulatif untuk merancang dan menaik taraf bangunan aset MBPG.
8. Memantau kerja-kerja pembersihan di bangunan yang disewakan.
9. Bertanggungjawab membantu pelaksanaan proses penyewaan aset-aset MBPG yang terdiri daripada harta khas dan lain-lain harta yang diuruskan oleh Bahagian.
10. Bertanggungjawab membantu menguruskan hal-hal berkaitan aset komuniti meliputi urusan serahan aset, perjanjian dan garis panduan pentadbiran.
11. Bertanggungjawab membantu menguruskan kesediaan harta khas berkaitan aspek keselamatan, penyelenggaraan teknikal, dan kebersihan.

## FUNGSI BAHAGIAN PENSWASTAAN & PELABURAN

1. Menguruskan penyewaan aset-aset majlis bagi kategori komersial seperti premis perniagaan yang disewakan dari proses permohonan, perjanjian, bil tuntutan, tunggakan sehingga penamatian.
2. Merancang projek-projek pembangunan yang boleh dibangunkan di atas tanah Majlis selaras dengan pembangunan setempat.
3. Membuat penilaian semula dan penetapan kadar sewa di aset komersial Majlis.
4. Membuat semakan dan kajian kadar sewa di pasaran dan mengenalpasti tanah-tanah Majlis yang berpotensi untuk dimajukan secara penswastaan yang mana perlaksanaan pembangunan tanah berkenaan akan diberikan kepada pihak syarikat swasta yang berkelayakan.
5. Menerima aduan yang dibuat oleh penyewa untuk diambil tindakan yang seterusnya.



## FUNGSI BAHAGIAN PEMULIHAN/SUSULAN

1. Mengendalikan proses tindakan menuntut tunggakan sewa premis milik MBPG berpandukan perjanjian penyewaan, tindakan alternatif yang sesuai dilaksanakan dari semasa ke semasa dan lain-lain peruntukan perundungan yang terpakai.
2. Memberi khidmat rundingan kepada penyewa untuk menyelesaikan tunggakan.

**LAPORAN PROGRAM/AKTIVITI JABATAN PENGURUSAN HARTA DAN KOMERSIAL**

- i) Banci Penyewa Rumah Pangsa pada 30 Januari hingga 13 Februari 2022.
- ii) Banci Penyewa Kebayan dan Semai Niaga 22 hingga 30 Jun 2022.
- iii) Program Pemutihan Penyewa Rumah Pangsa.
- iv) Kutipan sewa melalui kaunter bergerak:

BIL.	TARIKH	JUMLAH KUTIPAN
1.	25 hingga 31 Mac 2022	<b>RM12,625.00</b>
2.	28 Mei hingga 2 Jun 2022	<b>RM7,356.00</b>
3.	23 hingga 28 Julai 2022	<b>RM8,551.70</b>
4.	24 hingga 29 September 2022	<b>RM10,103.10</b>
5.	26 November hingga 1 Disember 2022	<b>RM3,080.00</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>RM41,715.80</b>

**Kutipan sewa melalui kaunter bergerak.****Operasi Tuntutan Tunggakan Sewa.****Banci Penyewa Rumah Pangsa.**

### PENCAPAIAN KPI

BIL	KPI	PENCAPAIAN
1.	Memastikan kutipan sewa tidak kurang 80%.	84%
2.	Memastikan kependudukan penyewa secara keseluruhan bagi bangunan yang disewakan tidak kurang daripada 80%.	87%

### PENGURUSAN DEWAN/BALAI RAYA

JENIS PENGURUSAN	JUMLAH
Jumlah dewan/balai raya	19 unit
Jumlah gelanggang	57 unit
Jumlah penggunaan dewan/balai raya	677
Jumlah penggunaan gelanggang	3,310
Jumlah pendapatan dewan/balai raya	RM385,772.00
Jumlah pendapatan gelanggang	RM83,318.00

### JUMLAH KESELURUHAN UNIT UNTUK SEWAAN

LAPORAN KUTIPAN SEWA	JUMLAH UNIT	JUMLAH DISEWA
Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang	191	168
Kebayan	275	233
Rumah Pangsa	1,671	1,494
Bengkel Jalan Keluli	30	28
Pasar Awam	156	122
Perkedaian & Perhentian Bas (Masai & Kota Masai)	100	62
Penjaja	26	19
Tanah Kosong	49	49
Hentian Lori	3	3
<b>JUMLAH</b>	<b>2,501</b>	<b>2,178</b>

### JUMLAH KEPENDUDUKAN

AKTIVITI	JUMLAH
Jumlah Penyewa	2,178
Peratus Kependudukan	87%

### JUMLAH KESELURUHAN UNIT DAN KUTIPAN UNTUK SEWAAN

LAPORAN KUTIPAN SEWA	JUMLAH KUTIPAN (RM)
Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang	RM5,199,460.96
Kebayan	RM282,471.67
Rumah Pangsa	RM5,386,192.50
Bengkel Jalan Keluli	RM220,888.00
Pasar Awam	RM109,043.70
Perkedaian & Perhentian Bas (Masai & Kota Masai)	RM184,118.20
Penjaja	RM11,253.00
Tanah Kosong	RM1,034,283.96
Stadium & Dewan	RM469,090.00
Hentian Lori	RM193,500.00
<b>JUMLAH</b>	<b>RM13,090,301.99</b>



## BAHAGIAN PENYELENGGARAAN ASET

### FUNGSI BAHAGIAN PENYELENGGARAAN ASET

#### PENYELENGGARAAN KENDERAAN

- Menguruskan kenderaan milik MBPG dan memastikan kenderaan diselenggara mengikut jadual.

#### PENYELENGGARAAN ASET

- Menguruskan kerja-kerja pembaikan fasiliti bangunan milik MBPG yang berkaitan dengan kerja-kerja mekanikal, elektrikal, struktur dan awam.
- Melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan yang melibatkan peralatan penyelenggaraan pencegahan, peralatan kerja menyelenggara dan pembaikan sistem mekanikal dan elektrikal bangunan pembinaan dan pelbagai bangunan.
- Merangka pelan penyelenggaraan aset secara kumulatif untuk merancang dan menaik taraf bangunan aset MBPG.
- Memantau kerja-kerja pembersihan di bangunan yang disewakan Majlis.

#### SENARAI BANGUNAN YANG DISELENGGARA 2022


AKTIVITI	JUMLAH (RM) C&S	JUMLAH (RM) M&E
Menara Aqabah	42,863.64	
Stadium Bola Sepak Pasir Gudang	94,012.64	
Kompleks Pusat Bandar	-	
Perpustakaan Awam Pasir Gudang	-	
- Penghawa Dingin		
Pusat Latihan JDT Taman Mawar	-	
- Penghawa Dingin		
Muzium Layang-Layang	34,985.64	
Sarang Buaya Pasir Gudang	4,253.40	
Pusat Pelupusan Sampah Tanjung Langsat	10,107.40	
Kebayan	131,888.64	
Rumah Pangsa	460,000.00	
i. Blok 9, Taman Mawar		
ii. Blok 13,16,19, Taman Cendana		
iii. Blok 25-34,37,40,42-67, Taman Air Biru		
iv. Blok 16, Blok 35,36,38,39,41 - Dijadikan Asrama Pekerja		
Dewan Serbaguna	99,702.64	
- Taman Mawar		
- Taman Kota Masai		
- Taman Cendana		
- Kampung Kopok Baru		
- Taman Pasir Putih		
- Taman Nusa Damai		
- Taman Scientex		
- Masai		
- Taman Rinting		
- Jalan Suria		
- Jalan Gunung		
- Balairaya Taman Air Biru		
- Taman Cahaya Masai		
- Taman Bukit Dahlia		
- Taman Bistari Perdana		



AKTIVITI	JUMLAH (RM) C&S	JUMLAH (RM) M&E
Perkedaian - Jalan Keluli 7 - Jalan Rusa 1, Taman Scientex - Pusat Perdagangan	6,915.64	
Bengkel - Jalan Keluli 5 - Hentian Lori Jalan Keluli	3,655.64	
Terminal Bas - Perhentian Bas Masai - Arked Bazar, Bay, Gerai, Ruang Niaga dan Kaunter - Perhentian Bas Pasir Gudang - Perhentian Bas Kota Masai	4,415.40	
Tandas Awam - Taman Bandar - Hentian Lori dan Jalan Keluli - Tasik Perdana - Stor Taman Mawar - Perhentian Lori	7,211.64	
Semai Niaga - Taman Cendana - Taman Air Biru	3,208.64	
Pasar Awam - Taman Air Biru - Masai - Pasar Muafakat Sabah	14,525.64	

#### BILANGAN ADUAN BAGI BULAN JANUARI – DISEMBER 2022

Bilangan Unit Aduan Bagi Bulan Januari - Disember 2022



135

**JUMLAH DAN KOS PENYELENGGARAAN ADUAN BAGI TAHUN 2022**

BULAN	JUMLAH UNIT ADUAN	KOS PEMBAIKAN KESELURUHAN (RM)
Januari	57	84,261.00
Februari	106	151,741.00
Mac	126	96,728.00
April	201	129,804.00
Mei	115	117,988.00
Jun	104	82,169.00
Julai	118	77,687.00
Ogos	119	93,482.50
September	146	53,550.50
Oktober	144	64,233.00
November	231	34,557.00
Disember	148	23,179.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1,615</b>	<b>1,009,380.00</b>

**JUMLAH DAN KOS PEMBAIKAN UNIT KOSONG 2022**

TAJUK PROJEK	TEMPOH KONTRAK	JUMLAH C&S (RM)	JUMLAH M&E (RM)
Kerja-Kerja Membalik Unit Rumah Kosong Di Rumah Pangsa Milik Majlis Bandaraya Pasir Gudang.	1 Disember 2022 hingga 22 Februari 2023	320,642.00	-
<b>JUMLAH</b>		<b>320,642.00</b>	

**PROJEK ONE-OFF BAGI TAHUN 2022**

TAJUK PROJEK	TEMPOH KONTRAK
Kerja-Kerja Membuka, Membekal Serta Memasang Logo MBPG di Menara Aqabah dan Bangunan Aset Milik MBPG.	12 Julai 2021 hingga 31 April 2022
Kerja-kerja Penggantian Paip Utama dan Menaik taraf Bangunan Stadium Bandaraya Pasir Gudang.	1 Oktober 2022 hingga 3 Februari 2023
Kerja-kerja Mengelat Semula Bangunan dan Membalik Rangka Tingkap dan Pintu di Bangunan Rumah Pangsa Blok 26 dan 27 serta Penggantian Paip Air Kumbahan dan Air Buangan di Blok 27, Taman Air Biru, Pasir Gudang.	1 Oktober 2022 hingga 6 Januari 2023
Kerja-Kerja Menaik taraf Air Buangan dan Air Kumbahan di Rumah Pangsa Blok 33, 34 dan 37 Taman Air Biru, Pasir Gudang.	16 Oktober 2022 hingga 7 Januari 2023



# **BAHAGIAN Korporat DAN PERHUBUNGAN AWAM**

## **FUNGSI BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM**

### **UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM**

#### Perhubungan Strategik

- i. Mengurus, melaksanakan serta semakan Pelan Perancangan Strategik MBPG.
- ii. Mengurus, menyertai dan melaksanakan urusan kualiti dan inovasi di MBPG.
- iii. Mengurus dan melaksanakan program-program berkembar bersama agensi lain.
- iv. Mengurus dan melayani lawatan-lawatan agensi ke MBPG.

#### Penjenamaan Korporat

- i. Mengurus dan melaksanakan penjenamaan imej MBPG melalui amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).
- ii. Bertanggungjawab sebagai urusetia menyelaras, mengurus dan melaksanakan aktiviti di bawah Agenda Tempatan 21 (LA21).
- iii. Mengurus dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan penjenamaan korporat MBPG.
- iv. Mengurus Galeri MBPG serta jemputan media.

#### Perkhidmatan Pelanggan dan Aduan

- i. Mengurus dan melaksanakan sistem pengurusan aduan di MBPG.
- ii. Mengurus dan melaksanakan Mesyuarat Mingguan Aduan MBPG dan Mesyuarat Pengurusan Aduan MBPG.
- iii. Mengurus dan memberi maklum balas kepada aduan daripada sidang Dewan Undangan Negeri Johor.
- iv. Mengurus dan memberi perkhidmatan kaunter khidmat pelanggan.

#### Pengurusan Acara Korporat

- i. Mengurus dan menyediakan takwim tahunan MBPG.
- ii. Mengurus dan memantau perancangan takwim tahunan MBPG.
- iii. Mengurus dan melaksanakan program-program bersama pemegang taruh dalaman serta luaran MBPG.
- iv. Mengurus dan melaksanakan program-program rasmi MBPG.



## UNIT PENTADBIRAN

### Kewangan dan Kualiti

- i. Mengemaskini dokumentasi berkaitan peruntukan tahunan BKPA.
- ii. Bertanggungjawab membuat permohonan/sokongan bayaran melibatkan aktiviti BKPA.
- iii. Mengurus dan menghantar permohonan kerja lebih masa, tuntutan perjalanan serta keperluan BKPA.
- iv. Mengurus dan menghantar permohonan cenderamata korporat.

### Hal Ehwal Pejabat

- i. Menguruskan urusan surat menyurat BKPA kepada pihak dalaman dan luaran MBPG.
- i. Menguruskan Manual Operasi dan Pelan Risiko BKPA.
- ii. Mengurus hal ehwal kakitangan BKPA seperti kursus, tempahan hotel & kenderaan dan sebagainya.
- iii. Menguruskan penyimpanan fail surat-surat rasmi berkenaan BKPA.
- iv. Menguruskan terimaan dan pengeluaran surat masuk dan keluar di BKPA.

## UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI

### Editorial Penerbitan

- i. Mengurus penyediaan dan pengeluaran Buletin/Laporan Tahunan dan apa-apa terbitan oleh MBPG.
- ii. Mengurus dan melaksanakan penyediaan kalendar, diari dan Kad Raya MBPG.
- iii. Mengurus dan menyediakan kenyataan media.
- iv. Mengurus sidang redaksi terbitan MBPG.
- v. Mengurus arkib terbitan MBPG.

### Media Massa

- i. Mengurus dan menyediakan video korporat MBPG.
- ii. Mengemaskini dan menyediakan maklumat berkaitan di laman sesawang MBPG.
- iii. Mengurus media sosial MBPG iaitu Facebook, Instagram dan Youtube.
- iv. Menganalisa aduan, cadangan yang diterima melalui media sosial.
- v. Bertanggungjawab membuat hebahan acara kepada kakitangan dalaman dan luaran MBPG.

### Info Grafik


- i. Mengurus dan menyediakan *template* rasmi berkaitan MBPG seperti ucapan selamat, notis makluman, slaid pembentangan dan sebagainya.
- ii. Mengurus grafik hebahan di media sosial MBPG iaitu Facebook, Instagram dan Youtube.
- iii. Menyediakan grafik-grafik seperti gegantung/poster/kain rentang/latar pentas dan sebagainya bagi kegunaan jabatan di MBPG.
- iv. Menerima arahan dari semasa ke semasa.

### Fotografi

- i. Mengurus dan melaksanakan tugas-tugas mengambil gambar di setiap lokasi acara di MBPG.
- ii. Mengurus dan melaksanakan editorial gambar-gambar yang diambil sebelum dibuat hebahan.
- iii. Bertanggungjawab menyediakan *copy writing* bagi setiap hebahan di media sosial MBPG.
- iv. Mengurus dan menyediakan laporan pada setiap gambar-gambar yang diambil pada setiap acara yang dihadiri.
- v. Mengurus arkib digital MBPG.


## LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM



### JUMLAH ADUAN AWAM MBPG BAGI JANUARI HINGGA DISEMBER 2022



Setiap aduan yang diterima akan diberikan maklum balas dalam tempoh satu hari bekerja dan pemakluman status tindakan diambil dalam tempoh 14 hari waktu bekerja.

### LAPORAN ADUAN MENGIKUT JABATAN/BAHAGIAN/UNIT TAHUN 2022



**JUMLAH % ADUAN AWAM MBPG BAGI JANUARI HINGGA DISEMBER 2022****JUMLAH ADUAN KESELURUHAN TAHUN 2022****LAPORAN PENGIKLANAN BAGI TAHUN 2022**

BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
JUMLAH IKLAN	0	1	0	2	2	0	0	2	2	3	10	4	26



## KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TAHUN 2022

- Konvensyen ICC/KIK Malaysia 2022 telah berlangsung pada 23-24 November 2022 bertempat di Hotel Premiera, Kuala Lumpur.
- Sebanyak 2 kumpulan KIK yang bertanding mewakili MBPG iaitu kumpulan Trees (Jabatan Kejuruteraan dan Landskap) dan Kumpulan Optima (Jabatan Pelesenan).



## AKTIVITI BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM TAHUN 2022

Majlis Berbuka Puasa bersama pengamal media pada 29 April 2022, di Fives Hotel Johor Bahru.



Program Taklimat Kesedaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah diadakan pada 13 Jun 2022 bertempat di Auditorium Dahlia Aras 3, Menara Aqabah, MBPG.



Hari Dynamic Pasir Gudang telah diadakan pada 17 Julai 2022 bertempat di Puncak Kasih, Bukit Layang-Layang, Taman Bandar, Pasir Gudang. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat, Tan Sri Dato' Dr. Hj. Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor.



Kerajaan Negeri Johor melalui kerjasama "The Greater JB" iaitu Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Ibu Pejabat Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) Kontingen Johor telah menganjurkan Majlis Pelancaran Johor Selamat bertempat di Parkir A, Plaza Angsana Johor Bahru berlangsung selama 3 hari iaitu pada 12-14 Ogos dan perasmianya pada 13 Ogos 2022.



Sesi Libat Urus (SLU) bersama Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 21 September 2022 bertempat Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah, MBPG.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Johor Toyibban Laboratories Sdn. Bhd. (JTLAB) pada 20 Oktober 2022 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah, MBPG.



Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Komprehensif antara Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Keck Seng (Malaysia) Bhd serta Lim Lim Plantations Bhd telah diadakan pada 20 Oktober 2022 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah.



Majlis Perasmian Pecah Tanah, Kompleks Bangunan Baharu MBPG diadakan pada 22 November 2022, bertempat di Jalan Kong-kong, Masai.



Majlis Pelancaran Rehabilitasi Sungai Buluh dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara MBPG dan Malaysia Marine & Heavy Engineering Berhad (MHB) diadakan pada 10 Disember 2022, bertempat di Laman Rekreasi Sungai Buloh, Pasir Gudang.



Temasya Bandar Raya Pasir Gudang bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Ke-2 Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 9 dan 10 Disember 2022 bertempat di Bukit Layang-Layang Pasir Gudang. Program akan menjadi acara tahunan seterusnya akan turut dimasukkan ke dalam takwim MBPG sebagai acara rasmi MBPG.



Bengkel Pemantapan Dokumen ISO 9001:2015 dan Bengkel Pelaksanaan Pengurusan Risiko Dalam ISO 9001:2015 pada 18 hingga 20 Disember 2022 bertempat di Hotel Opero, South Key, Johor Bahru.




# UNIT PENGURUSAN KONTRAK

## FUNGSI UNIT PENGURUSAN KONTRAK

1. Mengurus dan mengendalikan segala prosedur dan pelaksanaan berkaitan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di bawah MBPG selaras dengan pekeliling kewangan (pra kontrak sahaja).
2. Menyediakan khidmat nasihat berkaitan ukur bahan di peringkat pra-kontrak dan pasca kontrak yang berkualiti dan disiapkan mengikut jadual pelaksanaan yang dipersetujui bersama.
3. Menjadi urus setia kepada jawatankuasa pembuka, penilaian, pemutus, spesifikasi dan rundingan harga bagi sebutharga/tender.
4. Menyedia dan menyemak dokumen meja tender, dokumen sebutharga/tender dan anggaran kos projek.
5. Menjual dokumen-dokumen sebutharga/tender kepada kontraktor yang berkelayakan.
6. Menyediakan surat setuju terima tender dan inden kerajaan.
7. Mengendalikan pendaftaran kontraktor di dalam sistem pengurusan e-kontrak (SPeK).
8. Menyelaras dan manganalisis maklumbalas penilaian dan prestasi pembekal/kontraktor daripada jabatan pelaksana.
9. Mengurus dan menyelaras pembelian bekalan bawah RM50,000.00.

## LAPORAN UNIT PENGURUSAN KONTRAK


### LAPORAN PEROLEHAN TAHUN 2022 (SEBUT HARGA)



■ BILANGAN SEBUT HARGA




## NILAI SEBUT HARGA (RM)




BILANGAN KERJA	NILAI PEROLEHAN SEBUT HARGA (RM)
190	38,581,292.70

### LAPORAN PEROLEHAN TAHUN 2022 (TENDER)

#### JUMLAH PENGURUSAN PROJEK TENDER



## NILAI PENGURUSAN PROJEK TENDER (RM)



BILANGAN KERJA	NILAI PEROLEHAN TENDER (RM)
28	RM420,090,324.62

### Sistem Pengurusan e-Kontrak

Sistem Pengurusan e-Kontrak

**MENU UTAMA**

ID Pengguna:

Kata Laluan:

[Log Masuk](#)

---

Laman Web Rasmii MBPG

- [Iklan SebutHarga/Tender](#)
- [Keputusan SebutHarga/Tender](#)
- [Senarai Pemohon SebutHarga/Tender](#)
- [Manual Pengguna](#)
- [Borang Pendaftaran Syarikat Baru](#)
- [Lupa Kata Laluan \(Syarikat\)](#)

**SELAMAT DATANG KE SISTEM PENGURUSAN E-KONTRAK MBPG**

**PEMBERITAHUAN**

PERHATIAN SEMUA KONTRAKTOR

1) Semua **dokumen SEBUT HARGA wajib dimuatnaik dan dihantar secara Atas Talian**. Penghantaran secara manual tidak akan diterima.

2) Hanya dokumen TENDER sahaja yang perlu dihantar ke Lobi Majlis Bandaraya Pasir Gudang atau jika penghantaran melalui pos berdaftar/kurier hendaklah diterima oleh pihak MBPG sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Pengurusan Kontrak atau email kepada [upk.mbg@gmail.com](mailto:upk.mbg@gmail.com)

PENDAFTARAN BAHRU DAN PENGEMASKINIAN LESEN KONTRAKTOR.

Makluman buat semua kontraktor, sempena arahan terbaru daripada **MAJLIS KESELAMATAN NEGARA** berkaitan negeri Johor telah



# BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN INTEGRITI

## UNIT AUDIT DALAM

### FUNGSI UNIT AUDIT DALAM

Fungsi dan peranan Audit Dalam antara lain adalah :

- i. Mengkaji dan menilai kekuahan (*soundness*), kesempurnaan (*adequacy*), dan keboleh-percayaan (*reliability*) rekod-rekod dan sistem-sistem perakaunan maklumat dan kawalan.
- ii. Memastikan kepatuhan terhadap dasar-dasar, rancangan-rancangan, prosedur-prosedur serta undang-undang dan peraturan-peraturan yang diwajibkan.
- iii. Mengkaji kecekapan dan kekesanan program-program dan operasi-operasi; dan
- iv. Memberi khidmat nasihat dan pandangan audit ke atas prosedur dan kawalan dalaman.

Unit Audit Dalam dibahagikan kepada dua (2) seksyen iaitu Audit Kewangan dan Pengurusan serta Audit Prestasi dan Teknikal. Pecahan jabatan-jabatan yang diaudit (*auditi*) adalah dipecahkan mengikut seksyen audit :

SEKSYEN AUDIT KEWANGAN DAN PENGURUSAN	SEKSYEN AUDIT PRESTASI DAN TEKNIKAL
<ul style="list-style-type: none"><li>i. Jabatan Kewangan</li><li>ii. Jabatan Penilaian</li><li>iii. Jabatan Khidmat Pengurusan</li><li>iv. Jabatan Pembangunan Masyarakat</li><li>v. Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan</li><li>vi. Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial</li><li>vii. Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Jabatan Kejuruteraan dan Lanskap</li><li>ii. Jabatan Kesihatan Awam</li><li>iii. Jabatan Kawalan Bangunan</li><li>iv. Jabatan Perancang Bandar dan OSC</li><li>v. Unit Pengurusan Kontrak</li></ul>

### PENCAPAIAN AUDIT TAHUN 2022

BIL.	KETERANGAN	SASARAN	PENCAPAIAN	%
1.	Audit Kewangan/Pengurusan <ul style="list-style-type: none"><li>• Kawalan Terimaan</li><li>• Pengurusan Aset dan Stor</li><li>• Pentadbiran Am</li><li>• Sumber Manusia</li></ul>	2 2 1 1	2 2 1 1	100 100 100 100
2.	Audit Prestasi	2	2	100
3.	Audit Susulan	4	4	100
4.	Audit ISO 9001: 2015	1	1	100
5.	Audit Pematuhan	Mengikut keperluan	3	-
6.	Pemeriksaan Stok/Barang Rampasan	Mengikut keperluan	1	-
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	4	4	100



## UNIT INTEGRITI

### FUNGSI UNIT INTEGRITI

Fungsi Unit Integriti merangkumi:

- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- Membantu proses pengesanan dan pengesahan aduan/maklumat mengenai salah laku serta pelanggaran tata kelakuan anggota MBPG.
- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku serta pelanggaran tata kelakuan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- Tadbir Urus, pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa bagi memastikan tiada ruang dan peluang untuk melakukan kesalahan.
- Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

### AKTIVITI UNIT INTEGRITI TAHUN 2022

#### MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

02 Januari 2022

*IBR ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).*



#### CERAMAH MOTIVASI PENYALAH GUNAAN DADAH DI TEMPAT KERJA

06 Januari 2022

*Tujuan ceramah ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai kesan pengambilan dadah.*



### TAKLIMAT BERKAITAN SEKSYEN 17B AKTA SPRM 2009

📅 25 Januari 2022

Taklimat bertujuan memberi penerangan kesalahan memberi dan menerima rasuah.



### KURSUS ASAS TINDAKAN TATATERTIB

📅 23 hingga 26 Mei 2022

Tujuan kursus adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai penyiasat yang akan dilantik mengenai peraturan, pengurusan dan prosedur tindakan tatatertib.



### TAKLIMAT BERKAITAN AKTA SPRM 2009

30 Mei 2022

Taklimat bertujuan memberi penerangan kesalahan memberi dan menerima rasuah.



### BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN INTEGRITI BERSAMA SPRM

12 Jun 2022

Tujuan kursus adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai penyiasat yang akan dilantik mengenai peraturan, pengurusan dan prosedur tindakan tatatertib.



### TAKLIMAT MENGHARUNGI CABARAN BERSAMA AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

13 Jun 2022

Taklimat bertujuan memberi pengetahuan tentang langkah-langkah dalam menguruskan kewangan yang berkesan terutama untuk mereka yang mempunyai masalah keberhutangan.



# BAHAGIAN PELANCONGAN

## FUNGSI BAHAGIAN PELANCONGAN

### 1. UNIT MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG

- i. Menguruskan pembuatan layang-layang sebagai cenderahati dan jualan.
- ii. Menguruskan penjagaan bangunan muzium dan kedai cenderahati.
- iii. Menguruskan jualan tiket dan merekodkannya di dalam buku hasil jualan tiket.
- iv. Menyediakan laporan bulanan dan tahunan Muzium Layang-Layang.
- v. Menguruskan, menyimpan dan mengemaskini maklumat jualan tiket, aktiviti dan produk pelancongan Muzium Layang-layang.
- vi. Menguruskan penjagaan, penyelidikan dan konservasi mengenai layang-layang dan budayanya.
- vii. Mengurus lawatan daripada sekolah/IPT/agensi/persatuan.



## 2. UNIT PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

- i. Melaksana secara profesional pembangunan sumber maklumat bagi mewujudkan pusat kecemerlangan pelbagai bidang seperti pengesanan, pemilihan, perolehan, penerimaan dan pemprosesan.
- ii. Pendokumentasian dan pengurusan maklumat seperti pengkatalogan dan pengurusan katalog, pengkelasan, dan pengindeksan.
- iii. Penyediaan perkhidmatan asas perpustakaan bagi memenuhi kepuasan pelanggan seperti rujukan dan perujukan, pinjaman, pendidikan pengguna, pinjaman kelompok dan pameran.
- iv. Penyediaan kemudahan perkhidmatan perpustakaan bagi memenuhi kepuasan pelanggan mengikut kesesuaian perpustakaan:
  - a) Kemudahan sirkulasi secara *online*.
  - b) Sudut siber dan WIFI
  - c) Salinan foto dan reprografi.
  - d) Pinjaman berkelompok
  - e) Tempat simpan barang
- vii. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran seperti pengumpulan statistik, pelupusan bahan, pengurusan fail dan rekod, pengurusan stok dan inventori.
- viii. Melaksanakan urusan kewangan seperti menyediakan permohonan peruntukan bahagian dan melaporkan serta menyerahkan hasil pendapatan perpustakaan.
- ix. Melaksanakan program pemeliharaan dan keselamatan sumber maklumat :
  - a) Melaksanakan dasar pemeliharaan dan keselamatan koleksi perpustakaan.
  - b) Menyenggara sumber maklumat perpustakaan, peralatan perpustakaan dan peralatan keselamatan.
  - c) Persekitaran, suhu, kelembapan udara, pencahayaan.
  - d) Mengawasi koleksi perpustakaan dan sistem kawalan keselamatan.
- x. Memberi kesedaran semasa mengenai perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan melalui pelbagai aktiviti terutamanya untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah.



### 3. UNIT PASIR GUDANG KRAF

- i. Seksyen Pengurusan Aktiviti Dan Promosi
  - Merancang, menyelaras dan meningkatkan urus tadbir fasiliti Pasir Gudang Kraf.
  - Menyelaras kerja-kerja urus tadbir operasi Pasir Gudang Kraf.
  - Membantu menyediakan jualan dan laporan jumlah jualan, pemberian saguhati produk Pasir Gudang Kraf.
  - Menyelaras serta menyelia kemudahan fasiliti dan keselamatan untuk pengunjung serta anggota pekerja di Pasir Gudang Kraf.
  - Mengurus dan menyelaras setiap program lawatan daripada sekolah, Institut Pengajian Tinggi swasta/awam, agensi kerajaan/swasta dan persatuan.
  - Mengemaskini serta menyelaras semua maklumat berkaitan produk seramik Pasir Gudang Kraf.



- ii. Seksyen Pembuatan

- Menyelaras dan menyiapkan proses pembuatan produk seramik Pasir Gudang Kraf meliputi proses bancahan *slip*, *casting*, *finishing*, pembakaran *bisquet*, *glazing* dan pembakaran *glaze* mengikut kepada tempahan pelanggan atau keperluan jabatan.
- Mengemaskini serta menyelaras kerja-kerja dekorasi meliputi pemilihan corak, lakaran pensil, *outline* dengan menggunakan *wax resist* dan mewarna mengikut kepada tempahan pelanggan dan keperluan jabatan.



### 4. UNIT SARANG BUAYA PASIR GUDANG

- i. Bertanggungjawab menjaga dan menguruskan aset hidup kerajaan (haiwan buaya).
- ii. Bertanggungjawab menyediakan program-program berasaskan pendidikan bagi memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tidak kira lapisan umur.
- iii. Bertanggungjawab menjaga Sarang Buaya dan memastikan kawasan lawatan bersih dan selamat.



## AKTIVITI BAHAGIAN PELANCONGAN

### PROGRAM KONVOI BERMOTOSIKAL JELAJAH MEMPROMOSIKAN PELANCONGAN BANDARAYA PASIR GUDANG 2023

📅 30 Mei 2022 hingga 2 Jun 2022

📍 1200-kilometer dari selatan ke utara dalam Semenanjung Malaysia.



### FESTIVAL LAYANG-LAYANG PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

📅 16 hingga 18 September 2022

📍 Bukit Layang-layang, Taman Bandar, Pasir Gudang, Johor.



Pelaksanaan Pemeriksaan Majestic Johor Standard 2022 bagi produk-produk Pelancongan di negeri Johor telah diadakan pada 2 November 2022 di lima kawasan bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang iaitu Muzium Layang-Layang Pasir Gudang, Sarang Buaya Pasir Gudang, Pasir Gudang Kraf, Padang Dataran dan Laman X-Treme.

BIL	TEMPAT	PURATA MARKAH	ULASAN
1.	Muzium Layang-Layang Pasir Gudang	86.74%	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempat yang menarik untuk dikunjungi.</li> <li>Menyediakan kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU).</li> <li>Perlu menitik berat keselamatan di tangga.</li> </ul>
2.	Sarang Buaya Pasir Gudang	88.43%	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu memperbaikkan lagi aktiviti untuk menarik ramai pelancong.</li> <li>Lokasi agak menarik untuk kanak-kanak.</li> <li>Perlu menambahbaik dari segi kesihatan berdasarkan syarat yang diperlukan oleh sebuah premis untuk menerima pengunjung.</li> </ul>
3.	Pasir Gudang Kraf	77.79%	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempat yang menarik untuk dikunjungi bagi peminat seramik namun ruang yang sangat kecil.</li> </ul>
4.	Padang Dataran	26.89%	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan tempat letak kereta baik namun perlu diluaskan lagi.</li> <li>Tempat yang menarik untuk beriadah bersama keluarga.</li> </ul>
5.	Laman X-Treme	29.79%	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu mengadakan lebih banyak program di lokasi tersebut.</li> </ul>



## UNIT PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

### PROGRAM UNIT PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

BIL.	PROGRAM	KETERANGAN																												
1.	Kuiz Bulanan	<p>Kuiz Bulanan diadakan setiap bulan bermula bulan Jun-September 2022 secara atas talian melalui <i>Google Form EASY QUIZ @ PAPG : PASIR GUDANG LESTARI MILIK KITA</i>.</p> <p>Antara kuiz yang diadakan adalah seperti mana berikut :</p>																												
BIL.	TARIKH	KETERANGAN																												
1.	26/06-30/06/2022	Kuiz Matematik																												
2.	26/07-30/07/2022	Kuiz Alam Sekitar																												
3.	07/08-11/08/2022	Kuiz Sempena Hari Kemerdekaan																												
4.	26/08-30/08/2022	Kuiz Sejarah																												
5.	26/09-30/09/2022	Kuiz Bahasa Inggeris																												
2.	Lawatan dari Tadika	<p>Berikut adalah senarai tadika yang membuat lawatan sambil belajar ke PAPG :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>TARIKH</th> <th>TADIIKA</th> <th>BIL. PELAJAR</th> <th>BIL. GURU</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>22/06/2022</td> <td>Tadika Hanis Cawangan Taman Pasir Putih</td> <td>54 Orang</td> <td>3 Guru</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>23/06/2022</td> <td>Tadika Emas Pintar Cawangan Taman Scientex</td> <td>36 Orang</td> <td>2 Guru</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>29/06/2022</td> <td>Tadika Hanis Cawangan Taman Scientex</td> <td>56 Orang</td> <td>3 Guru</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>30/06/2022</td> <td>Tadika Emas Nurani Cawangan Taman Pasir Putih</td> <td>45 Orang</td> <td>2 Guru</td> </tr> </tbody> </table>				BIL.	TARIKH	TADIIKA	BIL. PELAJAR	BIL. GURU	1.	22/06/2022	Tadika Hanis Cawangan Taman Pasir Putih	54 Orang	3 Guru	2.	23/06/2022	Tadika Emas Pintar Cawangan Taman Scientex	36 Orang	2 Guru	3.	29/06/2022	Tadika Hanis Cawangan Taman Scientex	56 Orang	3 Guru	4.	30/06/2022	Tadika Emas Nurani Cawangan Taman Pasir Putih	45 Orang	2 Guru
BIL.	TARIKH	TADIIKA	BIL. PELAJAR	BIL. GURU																										
1.	22/06/2022	Tadika Hanis Cawangan Taman Pasir Putih	54 Orang	3 Guru																										
2.	23/06/2022	Tadika Emas Pintar Cawangan Taman Scientex	36 Orang	2 Guru																										
3.	29/06/2022	Tadika Hanis Cawangan Taman Scientex	56 Orang	3 Guru																										
4.	30/06/2022	Tadika Emas Nurani Cawangan Taman Pasir Putih	45 Orang	2 Guru																										
3.	Hari Kemerdekaan	<p>Perpustakaan Awam Pasir Gudang telah menganjurkan pertandingan pakaian beragam secara dalam talian sempena Hari Kemerdekaan yang ke-65 Tahun. Tujuan pertandingan adalah untuk mencungkil bakat baru dan dinilai melalui kreativiti peserta dalam memperagakan pakaian beragam. Seramai 28 orang pelajar yang terlibat.</p>																												
4.	Hari Malaysia	<p>Perpustakaan Awam Pasir Gudang telah menganjurkan pertandingan mewarna sempena Hari Malaysia kali ke-59 tahun 2022 pada 11 hingga 16 September 2022. Pertandingan ini diadakan secara dalam talian dengan menggunakan medium <i>Google Form</i> dan dimuat turun oleh ibu bapa peserta sendiri dan dihantar ke perpustakaan untuk dinilai. Pertandingan tersebut terbahagi kepada 3 kategori iaitu:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KATEGORI</th> <th>BIL PELAJAR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>PRA Sekolah</td> <td>80 orang</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Sekolah Rendah Tahap 1</td> <td>75 orang</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Sekolah Rendah Tahap 2</td> <td>63 orang</td> </tr> </tbody> </table> <p>Seramai 218 orang pelajar yang terlibat dalam pertandingan ini.</p>				BIL.	KATEGORI	BIL PELAJAR	1.	PRA Sekolah	80 orang	2.	Sekolah Rendah Tahap 1	75 orang	3.	Sekolah Rendah Tahap 2	63 orang													
BIL.	KATEGORI	BIL PELAJAR																												
1.	PRA Sekolah	80 orang																												
2.	Sekolah Rendah Tahap 1	75 orang																												
3.	Sekolah Rendah Tahap 2	63 orang																												
5.	Program Bulan Bahasa	<p>Perpustakaan Awam Pasir Gudang dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Gudang telah mengadakan Pertandingan Sajak, Bercerita dan Explorasi Bahasa sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2022 pada 31 Oktober 2022 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.</p> <p>Kesemua pertandingan berdasarkan kategori seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertandingan Bercerita - Kategori Sekolah Rendah Tahap 1</li> <li>• Pertandingan Sajak - Kategori Sekolah Rendah Tahap 2</li> <li>• Pertandingan Explorasi Bahasa - Kategori Sekolah Menengah</li> </ul>																												



BIL.	PROGRAM	KETERANGAN																																
6.	Temasya Bandaraya Pasir Gudang	<p>Perpustakaan Awam Pasir Gudang telah menganjurkan pertandingan mewarna Sempena Hari Temasya Pasir Gudang pada 10 Disember 2022 bertempat di Taman Bandar Layang-Layang Pasir Gudang.</p> <p>Pertandingan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4-6 tahun</li> <li>• 7- 9 tahun</li> <li>• 10-12 tahun</li> </ul> <p>Seramai 150 orang yang terlibat dalam Pertandingan ini.</p>																																
7.	Aktiviti Cuti Akhir Tahun Persekolahan	<p>Perpustakaan Awam Pasir Gudang telah mengadakan pelbagai aktiviti cuti akhir tahun persekolahan 2022 pada 12 hingga 29 Disember 2022. Seramai 200 peserta yang terlibat dalam aktiviti tersebut.</p> <p>Berikut adalah tarikh aktiviti mengikut senarai aktiviti:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>TARIKH</th> <th>TEMPAT</th> <th>AKTIVITI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>12/12/2022</td> <td>Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang</td> <td>Cake Maker</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>14/12/2022</td> <td>Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang</td> <td>The Coolest Painter</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>19/12/2022</td> <td>Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang</td> <td>Professor Owl</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>21/12/2022</td> <td>Pasir Gudang Bowling Centre</td> <td>Strike Your Bowl</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>22/12/2022</td> <td>Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang</td> <td>Collage Blend</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>27-28/12/2022</td> <td>Pizza Hut, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang</td> <td>Little Pizza Chef</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>29/12/2022</td> <td>Sarang Buaya Dan Muzium Layang-Layang Pasir Gudang</td> <td>Play Tourist @ Pasir Gudang</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI	1.	12/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Cake Maker	2.	14/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	The Coolest Painter	3.	19/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Professor Owl	4.	21/12/2022	Pasir Gudang Bowling Centre	Strike Your Bowl	5.	22/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Collage Blend	6.	27-28/12/2022	Pizza Hut, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang	Little Pizza Chef	7.	29/12/2022	Sarang Buaya Dan Muzium Layang-Layang Pasir Gudang	Play Tourist @ Pasir Gudang
BIL	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI																															
1.	12/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Cake Maker																															
2.	14/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	The Coolest Painter																															
3.	19/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Professor Owl																															
4.	21/12/2022	Pasir Gudang Bowling Centre	Strike Your Bowl																															
5.	22/12/2022	Ruang Kanak-Kanak Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Collage Blend																															
6.	27-28/12/2022	Pizza Hut, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang	Little Pizza Chef																															
7.	29/12/2022	Sarang Buaya Dan Muzium Layang-Layang Pasir Gudang	Play Tourist @ Pasir Gudang																															

Program cuti akhir tahun persekolahan 2022.



## UNIT SARANG BUAYA PASIR GUDANG

### LAPORAN UNIT SANTUARI BUAYA TEMBAGA PASIR GUDANG

#### PENGURUSAN PENGUNJUNG & PENDAPATAN

PERKARA	JUMLAH
Jumlah Pengunjung/Pelanggan	14,821
Jumlah Pendapatan (RM)	RM117,853.00

#### PENGURUSAN PENGANJURAN AKTIVITI

PERKARA	JUMLAH
Program Hari Buaya Sedunia	24 hingga 26 Jun 2022
Program Croc Interact	18 September 2022
Aktiviti Pemeriksaan Aset Hidup	29 hingga 30 Disember 2022
Pameran di Stadium Tertutup Pasir Gudang sempena Program Jelajah Agrotourism & Agroyouth MAFI anjuran dari agensi Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor.	4 hingga 6 Disember 2022

## UNIT SERAMIK PASIR GUDANG KRAF

### LAPORAN UNIT SERAMIK PASIR GUDANG KRAF

#### PENGURUSAN PELANGGAN DAN PENDAPATAN

PERKARA	JUMLAH
Jumlah Pegunjung/Pelanggan	641
Jumlah Produk	2,845
Jumlah Pendapatan (RM)	RM59,758.00

#### PENGURUSAN PENGANJURAN AKTIVITI

PERKARA	JUMLAH
Hari Kraf Kebangsaan	23 Februari – 7 Mac 2022
Hari Muzium Kebangsaan	12 Jun 2022
Hari Buaya Sedunia	24 – 26 Jun 2022
Majestic of Johor	8 – 18 September 2022
Festival Layang-Layang Kebangsaan	14 – 18 September 2022
Agro Tourism Stadium Bandaraya MBPG	2 – 4 Disember 2022
Jualan Sambutan Temasya Bandaraya	10 Disember 2022



**AKTIVITI PENGETAHUAN PRODUK TAHUN 2022**

BIL.	PELANGGAN	JUMLAH UNIT TEMPAHAN
1.	UTC	5
2.	Kelab Sukan & Kebajikan MBPG	1
3.	Jabatan Khidmat Pengurusan	201
4.	Jabatan Kejuruteraan & Landskap	364
5.	Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	352
6.	UMNO Pasir Gudang	5
7.	Bahagian Pelancongan	3
8.	Jabatan Perancang Bandar Dan OSC	499
9.	Bahagian Pembangunan Masyarakat	142
10.	Unit Audit Dalam Dan Integriti	9
11.	IPD Sri Alam	100
12.	Jabatan Pelesenan	9
13.	Syarikat Swasta	1
14.	Jabatan Penilaian & Pesuruhjaya Bangunan	2
15.	Kraftangan Malaysia	195
16.	Jabatan Kesihatan Awam & Persekitaran	6
17.	Koperasi Wawasan Pasir Gudang	7
18.	Perpustakaan Awam	1
19.	Klinik Bandaraya	3
20.	Pagema	3
21.	Tempahan Individu & Orang Perseorangan	155
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2,063</b>

Antara pelbagai produk yang dihasilkan bagi tempahan yang diterima oleh Unit Pasir Gudang Kraf.



**UNIT MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG****LAPORAN PROGRAM UNIT MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG TAHUN 2022**

BIL.	PROGRAM	KETERANGAN	TARIKH
1.	Webinar <i>The Exhibition of Museum Layang-Layang</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi pendedahan kepada pelajar tentang sejarah wau dan layang-layang.</li> <li>Memperkenalkan Muzium Layang-Layang sebagai produk pelancongan di bawah pentadbiran MBPG.</li> </ul>	30/1/2022
2.	Sambutan Hari Muzium Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 di Dataran Warisan & Parkir 1, Stadium Sultan Muhamad	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja baru di Muzium Layang-Layang mendapat pengalaman yang baharu melalui penyertaan ini.</li> <li>Menyertai ceramah @ pocket talk, sukan &amp; persembahan wayang kulit.</li> </ul>	19/6/2022 - 25/6/2022
3.	Bengkel Membuat Wau Merak (Wau Tradisi Negeri Johor) Peringkat Negeri Johor Anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Johor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi taklimat berkaitan wau merak &amp; Festival Layang-layang.</li> <li>Demonstrasi membuat wau merak.</li> <li>Mengedarkan flyers pelancongan Pasir Gudang.</li> </ul>	25/7/2022 - 28/7/2022
4.	Festival Layang-Layang Pasir Gudang Peringkat Kebangsaan 2022 (Kerjasama Persatuan Pelayang Johor, Majlis Pelayang Malaysia dan Bahagian MBPG)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 200,000 pengunjung telah hadir ke festival tersebut.</li> <li>12 buah negeri telah sertai.</li> <li>Peserta persembahan wau tradisi seramai 50 orang.</li> <li>Peserta persembahan layang-layang moden seramai 45 orang.</li> <li>Peserta pameran dan bengkel demonstrasi membuat wau tradisi seramai 14 orang.</li> <li>Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah :           <ol style="list-style-type: none"> <li>Pameran dan bengkel demonstrasi membuat wau tradisi negeri.</li> <li>Persembahan Go Fly Kite Dancer dari Singapura.</li> <li>Pertandingan Layang-Layang Bercahaya.</li> <li>Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak.</li> <li>Bengkel Awam Layang-Layang Kikik.</li> <li>Program walkabout.</li> <li>Pelancaran Wau Merak (Kain Tenun Johor) Malaysia Book of Record.</li> <li>Ceramah khas 3 beradik, konsert artis jemputan dan pertandingan karaoke.</li> </ol> </li> </ul>	16/9/2022 - 18/9/2022
5.	Kolaborasi Bersama Koperasi SMK Pasir Gudang JB Bhd (Lawatan Sambil Belajar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi pusat transit program pelancongan koperasi sekolah peringkat negeri Johor.</li> <li>Membantu host (SMKPGI) untuk mengadakan lawatan.</li> </ul>	23/9/2022
6.	Sambutan Temasya Pasir Gudang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan bengkel membuat layang-layang kikik dan lawatan ke Muzium secara percuma untuk satu hari.</li> </ul>	10/12/2022



# 03

## PENYATA KEWANGAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.



- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Pasir Gudang;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Pasir Gudang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Bandaraya Pasir Gudang tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Pasir Gudang;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Pasir Gudang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Bandaraya Pasir Gudang tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
31 OKTOBER 2023



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA**

**YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

**MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**

Saya **MARIATON BINTI IBRAHIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2022 yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh  
penama yang tersebut di atas  
di Johor Bahru, Johor  
pada

18 APR 2023

)  
)  
)  
)



**MARIATON BINTI IBRAHIM**


Di hadapan saya,



No. L2-54B, Kompleks Pusat  
Bandar Pasir Gudang  
Jalan Bandar 81700  
Pasir Gudang, Johor

**PENYATA DATUK BANDAR DAN KETUA WHIP  
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**

Kami, DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN dan DATO' HAJI MOHD AMIN BIN AHMAD yang merupakan Datuk Bandar dan Ketua Whip, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan ini menyatakan bawah, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

  
**DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN**  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

  
**DATO' HAJI MOHD AMIN BIN AHMAD**  
Ketua Whip  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Tarikh : 19 APR 2023

Tarikh : 19 APR 2023



## MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022	2021
		RM	RM
<b>ASET</b>			
<b>ASET SEMASA</b>			
Tunai Dan Baki Bank	3	22,364,127	11,816,852
Deposit Tetap Dan Repo	4	199,938,437	170,139,588
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	5	24,239,482	25,185,609
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	6	3,323,964	2,732,420
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Pendahuluan	7	5,075,878	4,115,737
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<u>254,941,888</u>	<u>213,990,206</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	8	832,421,911	778,964,846
Hartanah Pelaburan	9	38,924,576	40,146,812
Aset Tak Ketara	10	568,026	551,142
Kerja Dalam Pelaksanaan	11	674,565	12,626,465
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Pendahuluan	7	13,959	12,588
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>		<u>872,603,037</u>	<u>832,301,853</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>1,127,544,925</u>	<u>1,046,292,059</u>
<b>LIABILITI</b>			
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai Akaun Belum Bayar, Deposit Dan Belanja Terakru	12	80,335,708	78,881,875
Geran Tertunda	13	1,644,168	1,010,818
Peruntukan Manfaat Pekerja	14	443,724	270,450
Akaun Amanah	15	22,904,772	14,932,989
Pinjaman	16	2,876,537	3,773,119
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>		<u>108,204,909</u>	<u>98,869,251</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan Manfaat Pekerja	14	1,225,946	1,142,939
Pinjaman	16	-	2,965,726
Peruntukan Liabiliti Luar Jangka	17	2,000,000	-
<b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		<u>3,225,946</u>	<u>4,108,665</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>111,430,855</u>	<u>102,977,916</u>
<b>ASET BERSIH</b>		<u>1,016,114,070</u>	<u>943,314,143</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis		<u>1,016,114,070</u>	<u>943,314,143</u>
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>		<u>1,016,114,070</u>	<u>943,314,143</u>



## MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

### PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<b>HASIL</b>			
Urusniaga Bukan Pertukaran	18	216,659,040	180,979,959
Urusniaga Pertukaran	19	24,511,304	19,487,834
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b><u>241,170,344</u></b>	<b><u>200,467,793</u></b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
<b>Emolumen</b>			
Gaji dan Upahan	20	12,165,917	12,160,630
Elaun-Elaun Tetap	21	3,662,745	3,913,580
Sumbangan Berkanun Untuk Pekerja	22	2,178,338	2,104,475
Elaun Lebih Masa	23	1,935,143	1,370,136
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	24	341,433	465,820
Elaun Ahli-Ahli Majlis	25	627,125	595,282
Imbuhan Tahunan Dan Bantuan Khas Kewangan	26	837,565	1,022,696
		<b><u>21,748,266</u></b>	<b><u>21,632,619</u></b>
<b>Perkhidmatan Dan Bekalan</b>			
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	27	608,291	266,080
Pengangkutan Barang-Barang	28	1,042	-
Perhubungan dan Utiliti	29	12,188,517	12,927,893
Sewaan	30	2,386,137	879,093
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	31	37,122	20,781
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	32	474,064	434,570
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	33	1,239,718	1,451,341
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	34	47,231,231	53,716,451
Perkhidmatan Iktisias, Perkhidmatan Lain dan Hospitaliti	35	25,232,015	24,603,160
		<b><u>89,398,137</u></b>	<b><u>94,299,369</u></b>
<b>Pemilikan Harta Modal</b>			
Alat Kelengkapan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan dan Kumpulan Buku	36	488,933	387,669
		<b><u>488,933</u></b>	<b><u>387,669</u></b>
<b>Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap</b>			
Pemberian Dalam Negeri	37	2,396,564	1,622,962
Faedad	38	175,387	286,401
Ganjaran	39	233,424	240,238
		<b><u>2,805,375</u></b>	<b><u>2,149,601</u></b>
<b>Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain</b>			
Pulang Balik dan Hapsukira	40	58,951	3,034,844
Bayaran-Bayaran Lain	41	1,458,951	1,754,862
Perbelanjaan Bukan Kewangan	42	4,341,497	1,463,421
Perbelanjaan Pembangunan	43	16,417,224	29,193,699
		<b><u>22,276,623</u></b>	<b><u>35,446,826</u></b>
<b>Susutnilai dan Pelunasan</b>			
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b><u>31,653,083</u></b>	<b><u>29,910,788</u></b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) SEMASA</b>		<b><u>168,370,417</u></b>	<b><u>183,826,872</u></b>
		<b><u>72,799,927</u></b>	<b><u>16,640,921</u></b>



## MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

### PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	Jumlah Aset Bersih
	RM	
<b>Kumpulan Wang Terkumpul Majlis</b>		
<b>Baki Pada 1 Januari 2021</b>		
Seperti Yang Dilaporkan Sebelum Ini		651,023,739
Pelarasan Tahun Terdahulu	44	<u>275,649,483</u>
<b>Baki Dinyatakan Semula Pada 1 Januari 2021</b>		<b><u>926,673,222</u></b>
Lebihan Semasa		
Seperti Yang Dilaporkan Sebelum Ini		16,648,081
Pelarasan Tahun Terdahulu	44	<u>(7,160)</u>
<b>Baki Dinyatakan Semula</b>		<b><u>16,640,921</u></b>
<b>Baki pada 31 Disember 2021</b>		<b><u>943,314,143</u></b>
 <b>Baki Pada 1 Januari 2022</b>		
Seperti Yang Dilaporkan Sebelum Ini		667,671,820
Pelarasan Tahun Terdahulu	44	<u>275,642,323</u>
<b>Baki Dinyatakan Semula Pada 1 Januari 2022</b>		<b><u>943,314,143</u></b>
Lebihan Semasa		<u>72,799,927</u>
<b>Baki Pada 31 Disember 2022</b>		<b><u>1,016,114,070</u></b>



## MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Terimaan			
Hasil Cukai		130,651,832	126,709,271
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit		7,868,056	6,041,538
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan		6,842,877	5,018,313
Perolehan dari Jualan Barang-Barang		574,731	498,905
Sewaan		11,536,315	7,611,683
Denda dan Hukuman		3,570,562	2,012,910
Faedah diterima		4,220,682	3,065,110
Deposit dan Amanah diterima		19,914,215	17,679,395
Terimaan-Terimaan Lain		74,556,614	53,751,527
Bayaran			
Kos Pekerja		(21,499,937)	(21,218,236)
Persaraan		(281,172)	(347,778)
Pembekal		(108,758,653)	(107,599,072)
Faedah dibayar		(175,387)	(286,401)
Deposit dan Amanah dibayar		(11,310,205)	(18,733,092)
Bayaran-Bayaran Lain		(1,549,142)	(9,268,036)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	45	<b>116,161,388</b>	<b>64,936,037</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(71,027,554)	(37,533,722)
Pembelian Aset Tak Ketara		(250,837)	(66,377)
kerja Dalam Pelaksanaan		(674,565)	(10,626,212)
Pertambahan Dalam Lain-Lain Pelaburan		-	3,201,714
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		<b>(71,952,956)</b>	<b>(45,024,597)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Bayaran Balik Pinjaman		(3,862,308)	(3,714,199)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan		<b>(3,862,308)</b>	<b>(3,714,199)</b>
Peningkatan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		40,346,124	16,197,241
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		181,956,440	165,759,199
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		<b>222,302,564</b>	<b>181,956,440</b>

#### Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan deposit tetap. Tunai dan kesetaraan tunai dimasukkan dalam penyata aliran tunai yang mengandungi jumlah kedudukan kewangan berikut:

	2022 RM	2021 RM
Tunai di Tangan Dan Baki di Bank	22,364,127	11,816,852
Deposit Tetap Dan REPO	199,938,437	170,139,588
<b>222,302,564</b>	<b>181,956,440</b>	



**MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG****PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar RM	*Varian Bajet RM
		Asal RM	Akhir RM		
<b>PENERIMAAN</b>					
Urusniaga Bukan Pertukaran		169,683,013	169,683,013	162,435,803	7,247,210
Urusniaga Pertukaran		28,484,170	28,484,170	21,402,033	7,082,137
<b>Jumlah Penerimaan</b>		<b>198,167,183</b>	<b>198,167,183</b>	<b>183,837,836</b>	<b>14,329,347</b>
<b>PEMBAYARAN</b>					
Emolumen	51.2(a)	26,939,720	26,939,720	21,220,878	5,718,842
Perkhidmatan Dan Bekalan	51.2(b)	111,466,602	113,517,242	71,102,440	42,414,802
Pemilikan Harta Modal	51.2(c)	1,530,640	2,162,000	764,562	1,397,438
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap		7,297,600	8,297,600	6,434,106	1,863,494
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain		1,459,530	1,459,530	1,293,531	165,999
Perbelanjaan Pembangunan	51.2(d)	49,350,000	44,350,000	15,343,981	29,006,019
<b>Jumlah Pembayaran</b>		<b>198,044,092</b>	<b>196,726,092</b>	<b>116,159,498</b>	<b>80,566,594</b>
<b>PENERIMAAN BERSIH</b>		<b>123,091</b>	<b>1,441,091</b>	<b>67,678,338</b>	<b>(66,237,247)</b>

\* Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**1. MAKLUMAT AM**

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Mengenakan cukai harta terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai harta yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

- 1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.
- 1.3. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis pada 19 April 2023.
- 1.4. Majlis Perbandaran Pasir Gudang dinaik taraf dan diisyihar sebagai Majlis Bandaraya Pasir Gudang berkuat kuasa pada 22 November 2020.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- 2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perpendaharaan dan Surat-surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia yang berkaitan.
- 2.1.2 Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan MPSAS dengan pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.18.



### **Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

#### **2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan (*sambungan*)**

- 2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.17 kepada Penyata Kewangan.

#### **2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan**

##### **2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut :

(i) Cukai Harta

Cukai harta adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai harta diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Caruman Bantu Kadar

Caruman Bantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Caruman Bantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa tuntutan dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Lainya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan hasil tersebut.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (*sambungan*)**

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai harta, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman kecuali notis dan waran bagi cukai harta akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

**2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran**

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut :

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, proses pindah milik, perkhidmatan tapak pelupusan sampah dan lain-lain perkhidmatan.

Hasil bagi perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil tersebut kecuali caj pembentangan akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain. Hasil diiktiraf apabila bayaran diterima.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran (*sambungan*)**

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan dan diiktiraf apabila bil dikeluarkan kecuali sewaan tanpa perjanjian diiktiraf apabila bayaran diterima.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas bayaran diterima.

**2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan**

**2.3.1. Aset dengan nilai kos berjumlah RM2,000.00 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi aset bernilai rendah (kurang dari RM2,000) akan dicaj sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.**

**2.3.2. Tanah-tanah yang bukan milik Majlis dan didirikan bangunan Majlis diatasnya tidak diakaunkan kerana Majlis tidak mempunyai kawalan yang menyeluruh ke atasnya.**

**2.3.3. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.**

**2.3.4. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.**

**2.3.5. Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.**



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

- 2.4.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Tanah pula tidak disusutnilaikan kecuali bagi tanah pajakan.
- 2.4.2. Kadar susutnilai tahunan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, Loji dan Peralatan	Kadar tahunan
Tanah	
- Kekal	0%
- Pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	
- Kekal	4%
- Separuh Kekal	10%
Aset Infrastruktur	
- Jalanraya	2%
- Kemudahan yang Lain	2%
Kenderaan	20%
Loji dan Jentera	20%
Perabut dan Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan Elektrik dan Elektronik	20%

- 2.4.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.



**2.5. Hartanah Pelaburan**

- 2.5.1. Hartanah Pelaburan adalah harta yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk harta yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun harta tersebut menghasilkan sewa.
- 2.5.2. Pengiktirafan awal bagi harta pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.
- 2.5.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, harta pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.5. Hartanah Pelaburan (sambungan)**

- 2.5.4. Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah disusutnilaikan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.5.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

**2.6. Aset Tak Ketara**

- 2.6.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.6.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.6.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.6.4. Perisian komputer dan antivirus termasuk lesen antivirus bagi tahun pertama dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.
- 2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.6.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

**2.7. Kerja Dalam Pelaksanaan**

Kerja dalam pelaksanaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan serta Perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*) dikeluarkan dan dilunaskan atau akaun dimuktamadkan mana yang terdahulu. Bagi kos Perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan.



Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)

2.8. Aset Kewangan

- 2.8.1. Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.8.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.
- 2.8.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.8.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.8.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskau atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskau atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.8. Aset Kewangan (sambungan)**

**Rosot Nilai Aset Kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) Pembayaran tertunggak;
- (iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun peruntukan. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan serta-merta.

**Penyahiktirafan Aset Kewangan**

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**2.9. Peruntukan dan Liabiliti**

- 2.9.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.10. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.**

2.10.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.10.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

**2.11. Liabiliti Kewangan**

2.11.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.11.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.11.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut :

**(i) Pinjaman dan Belum Bayar**

Selepas pengiktirafan awal, Pinjaman dan Belum Bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskuan anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

(ii) **Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**2.12. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**2.13. Manfaat Pekerja**

**2.13.1. Manfaat pekerja jangka pendek**

Majlis sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elauan-elauan tetap, elauan-elauan berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan serta kemudahan pinjaman perumahan dan komputer.

Faedah pekerja jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidak hadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

**2.13.2. Manfaat selepas perkhidmatan**

(i) **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) **Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)**

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

2.13.2. Manfaat selepas perkhidmatan (*sambungan*)

(iii) Ganjaran Cuti Rehat dan Ganjaran Pekerja Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh Majlis yang dikira sebagaimana formula berikut:-

$\frac{1}{30} \times \text{Gaji akhir yang diterima} \times \text{Jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan}$  (Tertakluk kepada had maksimum 150 hari).

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada pekerja kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:-

$[17.5\% - 13\% (\text{Caruman KWSP majikan}) \times \text{Gaji pokok terakhir} \times \text{Jumlah bulan perkhidmatan}] - \text{Faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.}$

2.14. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.14.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskain sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.14.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.14. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)**

**2.14.2. Aset Penjanan Bukan Tunai (*Sambungan*)**

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah menggunakan pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah loput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

**2.15. Percukaian**

2.15.1. Majlis Bandaraya Pasir Gudang adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

2.16. Maklumat Bajet

2.16.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.16.2. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 28 Julai 2021 dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 8 Disember 2021.

2.17. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.17.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.17.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasaran penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) *Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima*

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.17. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (*Sambungan*)**

**2.17.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (*Sambungan*)**

**(ii) *Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan***

Se semua harta tanah, loji dan peralatan disusut nilaiakan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat Hartanah, Loji dan Peralatan tidak termasuk tanah dalam tempoh masa 5 hingga 25 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

**(iii) *Penentuan harta tanah pelaburan***

Sebahagian daripada harta tanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu harta tanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai harta tanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian harta tanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai harta tanah pelaburan jika sebahagian harta tanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

**(iv) *Pengukuran peruntukan***

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

**2.18. Kesan Pemakaian MPSAS**

2.18.1. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS. Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian berikut sehingga menggunakan MPSAS sepenuhnya ketika menyediakan penyata kewangan ini seperti mana yang telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Penetapan Polisi Aset Infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Pengarah Audit Negeri Johor pada 12 April 2021 bertempat di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)**

**2.18. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)**

***Peruntukan dan pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan***

**(i) Aset Infrastruktur**

Pada tahun kewangan sebelum ini, Majlis telah mengiktiraf Aset Infrastrukturnya dalam tempoh peralihan terakhir. Memandangkan MPSAS masih belum diguna pakai sepenuhnya, pengiktirafan bagi tambahan akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal Lebihan Terkumpul Majlis. Walau bagaimanapun, tiada pengiktirafan tambahan aset infrastruktur dibuat pada tahun semasa berdasarkan keputusan Mesyuarat Penetapan Polisi Aset Infrastruktur Tahun 2021 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang diadakan pada 14 Februari 2022.

**a) Jalan Raya**

Aset infrastruktur ini terdiri daripada jalan bandaran, dan lorong belakang yang telah didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS). Tahun pendaftaran ke dalam MARRIS dijadikan sebagai asas untuk menentukan pengusiaan jalan tersebut berikutan tiada data jalan. Kos untuk jalan merangkumi longkang, turapan (pavemen), garisan jalan, guardrail, pejalan kaki, jambatan, papan tanda nama jalan dan papan tanda arah jalan.

Kos Aset Infrastruktur ini ditentukan mengikut kadar yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Penetapan Kadar Harga bagi Aset Infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang telah bersidang pada 28 Januari 2020 bertempat di Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Perbincangan Susulan Penetapan Kadar Harga Jalan Bagi Aset Infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor bertempat di Majlis Perbandaran Kulai pada 15 Mac 2020. Kadar ini akan digunakan untuk mengira kos bagi jalan bandaran dan lorong belakang yang telah didaftarkan di dalam MARRIS tetapi tidak dapat ditentukan nilainya. Kos untuk jalan dianggarkan mengikut kadar Zon A iaitu RM148 semeter persegi untuk jalan dan RM211 semeter untuk longkang.

Jalan-jalan baru yang diserah oleh pihak ketiga kepada majlis dalam tahun kewangan juga diambil kira sebagai Aset Infrastruktur walaupun belum didaftarkan dan tindakan pendaftaran akan dibuat pada tahun kewangan berikutnya di mana kos jalan akan direkodkan mengikut kadar yang dipersetujui.

Majlis telah menganggarkan jangka hayat Aset Infrastruktur jalan selama 50 tahun dengan kadar susutnilai dua peratus (2%) setahun

**b) Jejantas**

Majlis mengiktiraf jejantas yang dibina oleh Majlis atau yang diserah oleh pihak ketiga sebagai aset Majlis. Tarikh pengiktirafan adalah berdasarkan tarikh perakuan siap kerja atau tarikh serahan pemaju atau ID Jalan MARRIS. Manakala kos aset adalah menggunakan kos perolehan sebenar, kos serahan oleh pemaju atau kadar harga setiap Majlis.

Majlis telah menganggarkan jangka hayat Aset Infrastruktur jejantas selama 50 tahun dengan kadar susutnilai dua peratus (2%) setahun



**Nota-nota kepada penyata kewangan (*sambungan*)****2.18. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)****(i) Aset Infrastruktur (*sambungan*)****c) Perhentian bas dan teksi**

Perhentian bas dan teksi dikategorikan sebagai aset Hartanah, Loji dan Peralatan manakala bagi pondok bas, ianya direkodkan di dalam Aset Infrastruktur. Majlis mengiktiraf pondok bas yang dibina oleh Majlis atau diserahkan oleh pihak ketiga sebagai aset Majlis. Tarikh pengiktirafan adalah berdasarkan tarikh perakuan siap kerja, tarikh serahan pemaju atau ID Jalan MARRIS. Kos aset ditentukan dengan menggunakan kos sebenar, kos serahan oleh pemaju atau mengikut kadar harga yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Majlis telah menganggarkan jangka hayat Aset Infrastruktur pondok bas selama 25 tahun dengan kadar susutnilai empat peratus (4%) setahun

d) Aset Infrastruktur lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah akan dikenalpasti dan dipermodalkan secara berperingkat pada tahun kewangan berikutnya di mana Majlis pada asalnya mensasarkan tempoh selama satu (1) tahun bagi kerja-kerja mengemaskini data-data tersebut. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Penetapan Polisi Aset Infrastruktur Tahun 2021 Pihak Berkua Tempatan Negeri Johor yang diadakan pada 14 Februari 2022, sasaran asal tahun 2021 dilanjutkan kepada tahun 2022 . Memandangkan tiada Mesyuarat Penetapan Polisi Aset Infrastruktur dibuat bagi tahun 2022, sasaran pengemaskinian data telah dilanjutkan kepada tahun 2023.

Jenis Aset	Anggaran Usia Guna	Susutnilai	Tahun
Taman Permainan	5	20%	2023
Pintu Gerbang	25	4%	2023
Taman Rekreasi	20	5%	2023
Parit Monsun Dan Saliran	20	5%	2023
Lampu Jalan	5	20%	2023
Lampu Isyarat	5	20%	2023

**ii) Peruntukan Manfaat Pekerja**

